



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 5

RABU 1 FEBRUARI, 1984.

رابو 28 ربيع الاخير 1404

PERCUMA

Masjid bukan hanya tempat bersembahyang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof dalam sabda perasmian bagi Masjid Kampong Mentiri pada pagi hari Jumaat lepas menegaskan adalah satu kekeliruan jika umat Islam berfikir dan berpendapat bahawa masjid hanya sekadar tempat untuk bersembahyang atau beribadat kepada Allah Subhanahu Wataala.

Di zaman Rasulullah, sabda Yang Amat Mulia masjid telah digunakan sebagai pusat pembinaan jemaah dan kekuatan Islam serta gedung pertemuan untuk bermesyuarat tentang berbagai masalah yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam.

"Dengan lain perkataan, masjid menurut sunnah Nabi mempunyai potensi yang amat penting berhubung dengan keperluan kehidupan, dalam menyusun umat, dan kekuatan lahir dan batin umat Islam, dan untuk membina dakwah Islamiah yang berteraskan keimanan dan tauhid," tegas Yang Amat Mulia lagi.

Menurut Yang Amat Mulia, kalau sistem berjemaah itu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya sebagaimana sunnah Nabi s.a.w. sudah tentu umat Islam

tidak akan mengalami kelemahan dalam berbagai bidang.

"Dengan kewajipan sembahyang lima waktu, kewajipan sembahyang Jumaat sekali dalam seminggu, mimbar dapat menjadi alat bagi menyatukan dan memperkuatkan serta menyusun jemaah muslimin di samping ia dapat memainkan peranan dan pada membangunkan semangat keimanan dan

kemajuan," sabda Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia mengharapkan semoga masjid akan menjadi penggerak umat Islam di negara ini ke arah kerjasama, penyatuan dan kemajuan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala sehingga negara ini menjadi sebuah negara Islam yang benar-benar berdaulat,

Lihat muka 5



YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof ketika membuka rasmi masjid baru Kampong Mentiri.

PERLEMBAGAAN DIPINDA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perintah yang meminda Perlembagaan telah dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan atas kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Bab 83(3) dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Perintah tersebut digelar sebagai Perintah Darurat (Perlembagaan) (Pindaan), 1983 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari, 1984.

Menurut siaran dalam Warta Kerajaan, Bahagian II Bilangan 18 bertarikh 31 Disember, 1983 yang dikeluarkan minggu ini, perintah tersebut dibuat dalam dua jadual. Jadual pertama mengandungi pindaan kepada Perlembagaan, sementara jadual kedua ialah mengenai syarat-syarat untuk memberi kesan kepada pindaan-pindaan itu.

Permulaan pindaan ialah melibatkan gelaran bagi Perlembagaan yang asal yang disebut Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 dan sekarang

digantikan dengan gelaran "Perlembagaan Negara Brunei Darussalam".

TAFSIRAN

Lain-lain pindaan termasuklah juga memansuhkan terus tafsiran perkataan-perkataan atau menggantikannya dengan tafsiran baharu seperti 'Menteri Muda' digantikan 'Timbalan Menteri'; 'Menteri Besar' digantikan dengan 'Perdana Menteri'; 'Sultan' digantikan dengan 'Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan'.

Sementara tafsiran yang dimansuhkan terus ialah bagi perkataan 'Timbalan Menteri Besar', 'Pesuruhjaya Tinggi', 'Setiausaha Negara', 'Pegawai Kewangan Negara' dan 'Setiausaha Kerajaan'.

Bagaimanapun pindaan ke atas Ceraian (1) Bab 2 Perlembagaan itu tidak melibatkan Penasihat Ugama.

Pindaan terbanyak ialah dalam Bab 4 Perlembagaan, tetapi kesemuanya boleh dikatakan sebagai pindaan menyesuaikan dengan susunan baharu pentadbiran dalam mana jawatan Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negara adalah dihapuskan.

KUASA MEMERINTAH YANG TERTINGGI.

Mengenai Kuasa Memerintah Yang Tertinggi dalam Ceraian 1 Bab 4 yang sebelumnya disebutkan adalah terletak di dalam tangan Sultan cuma dipinda dengan sebutan "Kuasa Memerintah Yang Tertinggi

di dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan."

Begitu juga Ceraian (2) Bab tersebut mengenai menjalankan kuasa memerintah yang dahulunya disebutkan "hendaklah dijalankan oleh Sultan sendiri atau oleh pegawai-pegawai yang menjalankannya dengan nama dan bagi pihak Baginda" telah dipinda dengan menyebutkan kuasa tersebut "hendaklah dijalankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sendiri atau oleh Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang dibenarkan oleh Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri".

Lihat muka 4



DATO Paduka Awang Ahmad Wally Skinner.

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Dato Paduka Awang Ahmad Wally Skinner sebagai Setiausaha Tetap di Kementerian Kewangan mulai 26 Januari yang lalu.

Semua persuratan kepada Kementerian itu dari Ketua-Ketua Jabatan atau Bahagian hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Tetap Kementerian tersebut.

Sementara itu, Kementerian Pembangunan telah berpindah ke Kompleks Jabatan Kerja Raya di Lapangan Terbang Lama Berakas.

Kompleks itu sekarang dikenali sebagai Bangunan Kementerian Pembangunan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat pulang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah selamat berangkat pulang pada minggu lalu setelah menghadiri sidang kemuncak yang keempat Pertubuhan

Persidangan Negara-Negara Islam di Maghribi, atas undangan Raja Maghribi Al-Malek Hassan. Berangkat pulang bersama Baginda ialah D.Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Rombongan Baginda termasuk Y.T.M. Paduka Seri

Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkihah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Y.A.M. Pengiran Bahrin bin Pg Haji Abas, Menteri Undang-Undang dan Perhubungan dan Dato Paduka Awang Selamat bin

Munap, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri.

Sidang itu juga dihadiri oleh satu perwakilan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, yang diketuai oleh Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir

Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah.

Negara Brunei Darussalam secara rasmi menjadi ahli Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam pada 14 Januari yang lalu.



Pelita Brunei

1 FEBRUARI 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

SEBULAN DALAM ERA BARU:

Perkembangan yang diberi perhatian

Sudah sebulan kita berada dalam era baru kemerdekaan. Dalam tempoh yang singkat itu kita mendapati berbagai perkembangan.

Di dalam negeri perkembangan itu

berkisar sekitar susunan baharu pentadbiran. Penubuhan beberapa buah kementerian dengan sendirinya memberi kesan ke atas semua jabatan-jabatan kerajaan. Ia bukan sahaja setakat 'mengumpul' jabatan-jabatan tersebut mengikut fungsinya di bawah satu-satu kementerian bahkan sudah barang tentu melibatkan sedikit sebanyak perubahan dalam kerja-kerja dan urusan.

Di luar negeri kita telah muncul dengan menggotai Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC). Penyertaan ke dalam kedua-dua pertubuhan tersebut dalam masa yang sesingkat itu sudah barang tentu menempatkan negara kita pada kedudukannya yang wajar di peringkat antarabangsa.

Perkembangan di dalam dan di luar negeri ini diberi perhatian yang baik oleh rakyat. Setakat yang dapat dikesan sehingga ini dapat dikatakan bahawa kedua-dua perkembangan itu diterima sebagai wajar, dan orang ramai pada umumnya sangat menaruh harapan akan faedah-faedahnya dalam meningkat dan

memajukan terus semua aspek kehidupan di negara ini.

Sungguhpun tempoh sebulan dalam era kemerdekaan itu sangat singkat untuk merasakan dengan ketara kesan-kesan perkembangan di dalamnya tetapi tidak pula bermakna perkembangan-perkembangan tersebut tidak akan berpengaruh ke atas perkembangan selanjutnya. Pengaruh yang dapat dijangkakan ialah kalau pun tidak segera tetapi perlahan-lahan ke atas perkembangan kejiwaan. Maksud kita kejiwaan dari segi yang akan mempengaruhi tanggapan serta sikap rakyat dalam mereka menaruh harapan bukan sahaja untuk mendapat faedah dari kemerdekaan bahkan juga ialah tentang tanggungjawab yang akan dipikul bersama.

Bagaimanapun tentulah tidak wajar jika difikirkan yang harapan-harapan tersebut dapat dilihat dengan jelas setakat sebulan ini. Perkembangan yang melibatkan perubahan dalam susunan pentadbiran sekalipun difikirkan sebagai lanjutan dari pentadbiran sebelum merdeka tetapi secara semula jadi perubahan di dalamnya

memerlukan satu tempoh yang sesuai untuk kembali kepada keadaan yang normal. Dengan itu orang ramai hendaknya akan berfaham bahawa dalam tempoh menormalisasikan pentadbiran mereka dikehendaki tidak terburu-buru membual sebarang kesimpulan. Yang penting semua pihak akan sama berfaham bahawa kita sedang dalam permulaan tempoh membiasakan diri dengan susunan baharu pentadbiran yang memerlukan sedikit masa untuk kita mula dapat melihat kesan positifnya. Tegasnya kita tidak patut terburu-buru dalam mengharap kesan positif itu.

Lebih penting lagi hendaknya dalam kita terus-menerus akan mengikut arus perkembangan selanjutnya mustahaklah dipastikan yang kita tidak akan kehilangan pegangan yang selama ini berpengaruh pada kemantapan negara. Dan dalam masa yang sama hendaknya tidak pula ada siapa yang mula melupakan punca kekuatan pegangan rakyat dan kerajaan sepanjang yang pernah dialami iaitu ajaran ugama yang dengannya perhubungan antara rakyat dan kerajaan dijalin oleh semangat muhibah.

TUGAS utama Jabatan Penerangan ialah menyebarkan penerangan ataupun pemberitahuan berhubung dengan rancangan-rancangan dan dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Di samping itu, jabatan ini juga mengumpulkan maklumat-maklumat orang ramai mengenai dengan cadangan serta pandangan mereka terhadap pembangunan negara ini.

Sesuai dengan kehendak sebuah negara yang merdeka penuh lagi berdaulat, fungsi utama Jabatan Penerangan ialah untuk mendorong dan menggerakkan rakyat ke arah satu masyarakat yang cekap, jujur dan amanah, sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Berbagai kegiatan yang telah diunkayahkan oleh Jabatan Penerangan sebagai satu saluran untuk menerangkan kepada orang ramai tentang dasar-dasar Kerajaan dan kemajuan negara dalam berbagai-bagai bidang dengan melalui siri taklimat, kursus sivik, perjumpaan penerangan, syarahan di masa pertunjukan wayang gambar, buku-buku terbitan jabatan ini serta melalui akhbar rasmi Kerajaan Pelita Brunei.

PENERANGAN

Salah satu lagi langkah Jabatan Penerangan yang tidak kurang pentingnya dalam menyampaikan sesuatu maklumat kepada orang ramai ialah dengan membina 'display board' ataupun 'kotak mempamerkan gambar-gambar penerangan'.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Unit Pengeluaran Visual, Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab, "Sejauh ini Jabatan Penerangan menyampaikan sesuatu penerangan atau penjelasan lebih banyak melalui lisan dan tulisan, sedangkan melalui gambar-gambar terlalu sedikit."

Sebanyak tujuh buah 'display board' telah didirikan di seluruh negara, tiga buah di kawasan Daerah Brunei dan Muara iaitu di kawasan



SALAH Satu papan kenyataan yang dipasang oleh Jabatan Penerangan di kawasan gerai Jalan Residen di ibu negara tentunya dapat membantu orang ramai mengetahui apa-apa jua rancangan kerajaan.

PAPAN KENYATAAN BANTU PENERANGAN SEBAR RANCANGAN KERAJAAN

Oleh: Muhaimin
Hj Mohammad

gerai, Pekan Muara dan Pantai Muara, dua buah di Daerah Belait, satu di Pekan Tutong dan satu lagi di Pekan Bangar.

TUJUAN

Menurut Awang Haji Sulaiman, antara lain tujuan membina 'display board' tersebut ialah untuk memberikan gambaran ringkas tetapi jelas mengenai dengan sesuatu topik untuk dipaparkan kepada orang ramai terutama sekali berhubung dengan pembangunan negara ini, sama ada dari segi ekonomi, sosial dan politik; memberi peluang kepada orang ramai untuk menyaksikan sesuatu perkara yang mereka tidak berkesempatan untuk menyaksikan sendiri ataupun tidak berpeluang mengikutinya melalui media massa yang lain.

Ianya juga untuk memberi peluang kepada orang ramai bagi mengetahui dan menyaksikan keadaan sesuatu tempat yang sukar untuk

didatangi oleh mereka dan seterusnya untuk memberi maklumat kepada orang ramai supaya mereka dapat mengetahui tentang rancangan-rancangan ataupun projek-projek kerajaan yang sedang dilaksanakan, kegiatan pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan persatuan serta berita-berita dan hal-ehwal semasa.

Dalam perkara ini, jelas Awang Haji Sulaiman, Jabatan Penerangan menyedari bahawa untuk menyampaikan sesuatu penerangan atau penjelasan mengenai sesuatu perkara bukan hanya dapat dinyatakan melalui lisan dan tulisan tetapi ianya juga dapat disalurkan melalui berita-berita bergambar (caption news) dan perkara-perkara lain yang berhubung dengan satu-satu tajuk itu.

Menurutnya lagi, cadangan untuk menubuhkan 'display board' itu telah diura-urakan sejak tiga tahun lepas manakala perlaksanaannya pada tahun 1983 yang telah diusahakan oleh Unit Kerja Luar dan Tugas-Tugas Khas. Apabila selesai pembinaannya pada penghujung tahun 1983 diserahkan pula kepada Unit Pengeluaran Visual untuk menyelenggarakan dan mengendalikan selanjutnya.

BERITA SEMASA

Mengenai dengan bahan-bahan yang dipamerkan di 'display board' itu, Awang Haji Sulaiman memberitahu ialah seperti berita-berita ehwal semasa, guntingan surat-surat khabar dalam dan luar negeri yang bersangkut-paut dengan negara ini dan poster-poster Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan.

Gambar-gambar yang dipamerkan hendaklah ditukar dari masa ke masa ataupun dibuat jadual tetap misalnya gambar-gambar tersebut ditukar dua minggu

sekali tetapi bagaimanapun ini tertakluklah kepada bahan-bahan yang ada, jelas Awang Haji Sulaiman.

Beberapa orang yang ditemui ketika ditanya pandangan mereka mengenai dengan 'display board' penerangan, kebanyakannya berpendapat usaha itu adalah satu langkah yang baik kerana kata mereka memandangkan negara ini telah masuk ke arena antarabangsa maka sedikit sebanyak Negara Brunei Darussalam menjadi bahan berita terutama dari akhbar-akhbar luar negeri.

Mereka menyatakan dengan adanya 'display board' itu orang ramai akan dapat membaca ataupun melihat sekali imbas berhubung dengan laporan-laporan yang dibuat oleh akhbar-akhbar luar negeri mengenai negara ini, jika sekiranya mereka tidak berpeluang menatapnya di surat-surat khabar.

Awang Haji Sulaiman seterusnya menyeru orang ramai supaya akan dapat memberi kerjasama supaya akan dapat menjaga dan memelihara 'display board' tersebut kerana tujuannya didirikan adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat dan penduduk negara ini.

Calon Ketua Kampung

TUTONG. — Pejabat Daerah Tutong memaklumkan semua penduduk-penduduk Kampung Batang Mitus bahawa satu majlis pemilihan calon Ketua Kampung akan diadakan pada hari Jumaat 17 Februari, 1984 jam 8.30 pagi bertempat di Sekolah Melayu Batang Mitus.

Penduduk-penduduk yang berumur 21 tahun ke atas dan tinggal di sekitar kampung tersebut adalah diharapkan hadir pada masa, tempat, dan waktu yang disebutkan.

Syarat-syarat bagi calon-calon adalah, seorang calon hendaklah sudah bermastautin dalam kampung tersebut sekurang-kurangnya tiga tahun dan setelah dilantik dikehendaki bermastautin secara tetap dalam kampung tersebut, dan mestilah berumur tidak kurang 30 tahun.

Calon sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau seimbang dengannya ataupun Darjah VI Sekolah Melayu dan ianya bukan Pegawai Kerajaan, kakitangan syarikat, atau badan perniagaan.

Borang pendaftaran boleh didapati daripada Pejabat Daerah Tutong.

Peti Tawaran tutup jam 12.00 t-hari

MULAI 30 Januari yang lalu, Peti Tawaran di Jabatan Kewangan ditutup pada tiap-tiap hari Isnin jam 12.00 tengah hari.

Jika hari Isnin jatuh pada hari Kelepasan awam, hari sebelumnya, dan akan dibuka semula pada hari Selasa atau hari berikutnya, jika hari Selasa kebetulan jatuh pada hari Kelepasan awam.

SEBUAH lagi padang permainan sukan luar kini sedang dalam pembinaan di ibu negara, yang mana dengan perkembangan ini ianya sedikit sebanyak akan dapat memberikan kemudahan tempat bersukan di kalangan masyarakat terutama penuntut-penuntut. Projek tersebut yang masih dalam penyenggaraan Jabatan Kerja Raya terletak di atas tapak padang lama Maktab SOAS yang juga pernah dijadikan tapak bangunan sementara Sekolah SMJA untuk beberapa tahun sedikit masa dulu.

Seorang pegawai kanan Kerja Raya ketika menjelaskan sumber-sumber pembinaan projek itu memberitahu Pelita berkata bahawa penyenggaraan pembinaan ke atas kawasan yang berukuran 30 ribu ela persegi dijalankan dalam dua fasa. Fasa I melibatkan pembinaan ke atas track yang berukuran 400 meter panjang keliling dengan 7.5 meter lebar. Ianya juga melibatkan kerja-kerja meratakan padang permainan bola di kawasan tengah seluas 10,096 meter persegi. Di samping untuk kegunaan permainan bola padang tersebut juga akan digunakan untuk permainan hoki dan lain-lain sukan olah-raga.

Demikian juga dalam Fasa I itu, kerja-kerja pengaliran longkang, penanaman rumput dan pemagaran kawasan keliling padang rancak disiapkan. Empat buah rumah kerajaan yang ada di Jalan Sekolah terlibat dalam kerja-kerja meroboh di mana tapak rumah-rumah tersebut akan digunakan untuk kemudahan serbaguna dan letak kereta.

Semua kerja-kerja pembinaan di Fasa I dilaksanakan oleh syarikat pemborong binaan Syarikat Thunder dengan menelan belanja \$746,855.00. Kerja-kerja di Fasa I telah pun dimulakan sejak 17 Ogos lepas dan dijangka siap 31 Januari ini.

Manakala kerja-kerja penyenggaraan di Fasa II belum lagi dimulakan dan tawaran masih dalam proses. Dalam Fasa II kerja-kerja yang terlibat ialah menyediakan kemudahan sebuah bangunan penonton yang boleh memuatkan 400 tempat duduk, menyediakan kemudahan persalinan untuk pemain-pemain lelaki dan perempuan, bilik mandi dan tandas. Sebuah pentas kawalan juruhebah dan tandas pegawai-pegawai juga akan disediakan. Adalah diharapkan kerja-kerja di Fasa II akan dimulakan tahun ini.

Kita penuh yakin dengan penyediaan kemudahan padang permainan serupa ini ianya akan dapat menambahkan lagi ahli-ahli sukan terutama para belia dan beliawanis negara melibatkan diri dan dapat pula menguasai apa jua bentuk permainan sukan yang digemari oleh diri masing-masing, tambahan pula negara kita sedikit masa lagi akan memainkan peranannya sebagai tuan rumah ke dalam beberapa acara sukan antarabangsa.

Tentunya cabaran yang bekal ditempuh itu akan dapat dihadapi oleh para ahli sukan yang sudah sedia ada dan juga yang masih baru berkecimpung di dalamnya akan bersungguh-sungguh berperanan dalam bentuk sukan masing-masing dengan lebih jitu dan luas lagi menambah pengalaman sukan masing-masing.

KOMPLEKS SUKAN MAKTAB SOAS DALAM PEMBINAAN




Gambar oleh:

Pg. Yaakub PMJMMJ



PEMANDANGAN sebahagian dari kawasan kompleks padang tersebut di mana Fasa I membuat kerja-kerja track dan pemasangan longkang sedang giat dijalankan oleh pekerja-pekerja kontrak yang terlibat.

Dengan siapnya projek Padang Maktab SOAS itu nanti kerja-kerja pemeliharaan bangunan akan diserahkan kepada Bahagian Bangunan, Jabatan Kerja Raya, manakala padang permainan berkemungkinan akan diserahkan kepada Jabatan Pelajaran.



GAMBAR atas pelan bagi pandangan dari sudut kiri bangunan tempat duduk penonton yang boleh memuat 400 tempat duduk. Gambar atas kiri pula menunjukkan pelan bagi kawasan projek padang keseluruhannya yang seluas 30 ribu ela persegi dengan kawasan bertanda A bagi padang bola dan hoki, kawasan B bagi kemudahan letak kereta dan serbaguna dan kawasan C pula ialah letak bangunan penonton dilihat dari hadapan, sementara di kiri kanan bangunan tersebut juga disediakan dua kawasan letak kereta.

SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

SUKACITA dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Belait akan menggunakan Komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan-punya tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka adalah dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Kuala Belait dengan seberapa segera yang boleh pada waktu-waktu pejabat dibuka dengan membawa kad pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki.

EDR NO	LOT NO	NAMA	LETAK TANAH
11	24	Abang Gapar bin Haji Hashim	Kuala Balai.
22	57	Wong Chin Hing	Sungai Rampayoh, Labi.
36	32	Wong Chin Hin	Sungai Damit, K. Balai
68	94	Amit bin Katong	Sungai Tanajor, Labi.
84	75	Ejah bte Ibrahim	Rampayoh, Labi.
84	75	Brahim bin Bujuk	Rampayoh, Labi.
86	65	Banun bte Ingu	Rampayoh, Labi.
86	65	Lawin Anak Gobar	Rampayoh, Labi.
91	61	Lajang bte Lidam	Rampayoh, Labi.
113	96	Radi bte Besi	Tanajor, Labi.
121	143	Eng Seng Watt	Tarawan, Labi.
122	132	Jimah bte Che Mat	Bisut, Bukit Sawat.
158	139	Bintang bte Rendah	Sungai Damit, K. Balai.
169	232	Atun bin Ajuk @ Kong Ah Ton	Labi.
217	158	Chin Ku Sui	Labi.
217	158	Choon Moi	Labi.
217	158	Chin Kee Chiew	Labi.
240	184	Ubi bin Lee Chen	Rampayoh, Labi.
245	432	Dyg Norliah bte Mohamad Yusuf	Gatas, Labi.
249	438	Lee Kuai	Tanajor, Labi.
338	402	Amit bin Patak	Kuala Balai.
338	402	Piah bte Patak	Kuala Balai.
338	402	Siti bte Patak	Kuala Balai.
338	402	Udek bin Patak	Kuala Balai.
338	402	Jane bte Patak	Kuala Balai.
338	402	Sati bte Patak	Kuala Balai.
346	351	Munggu bin Tahir	Kuala Balai.
473	454	Gapar bin Adil	Kuala Balai.
540	628	Jamidah bte Adam	Tanajor, Labi.
574	570	Law Ngen Chan	Labi.
583	514	Drahim bin Buju	Sawah Mobil, Labi.
610	782	Syed Hamid bin Syed Ahmad	Pandan, Kuala Belait.
613	624	Mohamed bin Haji Abd. Ghani	Sawah Layong, Labi.
637	593	Lamit bin Bua	Sawah Gatas, Labi.
638	613	Ingai bin Kapos	Turunan, Labi.
641	515	Maradiah bte Adam	Sawah Labi, Labi.
641	515	Jamiah bte Alias	Sawah Labi, Labi.
641	515	Jainah bte Alias	Sawah Labi, Labi.
641	515	Apsah bte Alias	Sawah Labi, Labi.
641	515	Hamdiah bte Alias	Sawah Labi, Labi.
684	763	Chan Su Ha @ Chan Chin Yau	Kuala Belait.
706	789	Liong Nyit Kiew	Kuala Belait.
724	818	Law Nam Loi	Lubok Palam, K. Belait.
730	791	Chan Sai Kew	Kuala Belait.
732	790	Chong Kee Gong	Kuala Belait.
732	790	Chong Ah Fook @ Chong Pao	Kuala Belait.
732	790	Liong	Kuala Belait.
732	790	Chan Soo Mee	Kuala Belait.
736	775	Lau Chin Hong	Kuala Belait.
739	644	Liew Fong	Tanajor, Labi.
790	577	Sa'diah bte Bungsu	Sawah Buan Laling, Labi.
808	635	Yong Nyim	Tanajor, Labi.
823	854	Hew Mei Nyut @ Hee Mei Geok	Kuala Belait.
843	876	Yong Moi	Lubok Palam, K. Belait.
844	649	Ching Choo @ Chang Shoo	Tanajor, Labi.
845	650	Liong Hau (Liong Ah How)	Tanajor, Labi.
867	917	Chee Kam Hee	Gatas, Labi.
896	632	Mihong bin Orang Kaya Mumin	Tanajor, Labi.
903	981	Dorothy Chin @ Leong Ah Hiong	Kuala Belait.
952	954	Puan Marhani bte Md. Ednen	Bukit Puan, Bukit Sawat.
961	957	Julaihi bin Madeli	Lumut, Sungai Liang.
961	957	Amiah bte Mohamad	Lumut, Sungai Liang.
961	952	Mazalan bin Mahari	Lumut, Sungai Liang.
967	1002	Koh Hong Yau	Kuala Lumut, Liang.
967	1002	Koh Heng Kui	Kuala Lumut, Liang.
967	1002	Khoo Wong Pah @ Soo Wang	Kuala Lumut, Liang.
984	608	Pah	Turunan, Labi.
1019	1028	Timah bte Saman	Pandan, Kuala Belait.
1039	1048	Thien Ah Kiaw	Gatas, Labi.
1040	1050	Omeh bte Embong	Gatas, Labi.
1054	1062	Orang Kaya Peduka Raja	Kanapol, Labi.
1089	1159	Seruji bin Gamok	Turunan, Labi.
1095	1095	Chu Mee Ying	Sungai Damit, K. Balai.
1129	1142	Inche bin Ah Song	Sungai Damit, K. Balai.
1156	1147	Loo Piang Chong	Kanapol, Labi.
1168	1188	Damit bin Tusun	Sungai Damit, K. Balai.
1176	1189	Ah Tong	Sungai Lutong, K. Balai.
1193	1235	Tagong bin Indit	Lubok Palam, K. Belait.
1205	1246	Peter Poh Chin Chee	Lubok Palam, K. Belait.
1207	1194	Ak Alli bin Pg. Abdul Wahab	Pangkalan Sayong, Bukit Sawat.
1226	1209	Siti Awa bte Bangkit	Paya Lumpor, Labi.
1234	1198	Lahap bin Latip	Kanapol, Labi.
1235	1268	Lo Hiew	Labi.
1236	1199	Mail bin Narudin	Kanapol, Labi.
1280	1321	Jee Ah Nee	Lubok Palam, K. Belait.
2064	2064	Kwek Bock Seong	China, Kuala Belait.
2065	2065	Yee Min Fun @ Yee Fuan	China, Kuala Belait.
2065	2065	Chan Hal Len @ Chan Hai Len	China, Kuala Belait.

2071	2071	Liew Thin Hong
2111	2111	Normah bte Nasir
2127	2127	Mariam bte Mohamad Ali
2239	2534	Pakak bin O K Gani
2257	2257	Liew Yan
2260	2537	Jeludin bin Hamsah
2278	2531	Pungot bte Panjang
2296	2296	Alli bin Yakup
2347	2521	Mat Jahir bin Langgan
2349	2522	Idris bin Kalong
2351	2523	Liew Tiam
2352	2524	Hiew Fook
2353	2529	Choo Siong Kui
2370	2504	Liew Chin Fook

Gana, Sungai Liang.
Simpang Labi, Labi.
Melayu Seria.
Mandaram, Labi.
Gatas, Labi.
Ratan, Labi.
Ratan, Labi.
Kuala Balai.
Lubok Tapang, Kuala Balai.
Sungai Ubar, Bukit Sawat.
Badas, Seria.
Badas, Seria.
Badas, Seria.
China, Kuala Belait.

PERLEMBAGAAN DIPINDA

Dari muka 1

Pindaan dalam Bab 4 itu juga menyebutkan peruntukan lantikan seorang Perdana Menteri yang "hendaklah bertanggungjawab kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi menjalankan kuasa memerintah". Peruntukan sebelum pindaan ialah bagi lantikan seorang Menteri Besar. Pindaan juga memperuntukkan lantikan "beberapa orang Menteri-Menteri yang lain sebagaimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mungkin akan melantik".

SYARAT MENJADI PERDANA MENTERI

Mengenai syarat seseorang dilantik menjadi Perdana Menteri peruntukan dalam Ceraian (5) Bab 4 Perintah Pindaan itu mensyaratkan bahawa "tiada siapa pun boleh dilantik menjadi Perdana Menteri melainkan dia itu seorang Melayu Brunei yang beragama Islam mengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah". Dalam peruntukan yang lama mengenai lantikan Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan adalah diper-syaratkan bahawa "dia itu orang Melayu yang beragama

Islam mengikut Mazhab Shafie Ahlus Sunnah Wal Jamaah".

MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI

Peruntukan mengenai Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri dalam Bab 11 Perlembagaan adalah dimansuhkan. Dan digantikan dengan cuma menyebutkan "Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri hendaklah dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan hendaklah mengandungi Menteri-Menteri yang dilantik di bawah Ceraian (6) Bab 4".

Ceraian (6) Bab 4 yang dimaksudkan ialah mengenai lantikan Perdana Menteri dan Menteri-Menteri lain.

Sebelum pindaan tersebut keanggotaan dalam Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri adalah terdiri daripada tujuh

orang Ahli Rasmi kerana jawatan iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan Penasihat Ugama; serta empat orang Ahli Yang Bukan Rasmi yang kesemuanya menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri.

Perintah Pindaan itu juga memansuhkan Bab 77 dan 78 Perlembagaan. Kedua-dua Bab tersebut ialah mengenai 'Pegawai Sebarang Laut' iaitu pegawai-pegawai yang telah disyorkan oleh Kerajaan British untuk berkhidmat dengan Kerajaan Brunei di bawah mana-mana perjanjian dengan Sultan.

Bagaimanapun Perintah Pindaan Perlembagaan itu tidak menyebutkan mengenai kedudukan Majlis Mesyuarat Diraja dan Majlis Mesyuarat Negeri.

Tayangkan filem percuma

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Perkhidmatan Pelajaran Muzium Brunei akan menayangkan filem TURTLE ISLAND pada 2, 4 dan 5 Februari, 1984 jam 10.00 pagi dan 2.30 petang.

Filem mengenai penyu-penyu di sekitar kawasan kepulauan Borneo ini, khususnya Sarawak adalah dipinjam dari Bahagian Khidmat Pelajaran Syarikat Minyak Shell Brunei.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 1 hingga 7 Februari 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Limau Manis	1.2.1984	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalen Batu	1.2.1984	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	1.2.1984	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Jerudong	4.2.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	4.2.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkurong	4.2.1984	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Ugama Sengkurong	4.2.1984	Sabtu	2.30- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	4.2.1984	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut	4.2.1984	Sabtu	4.30- 5.30 "
Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa	5.2.1984	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara	5.2.1984	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Pekan Muara	5.2.1984	Ahad	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	6.2.1984	Isnin	2.00- 3.00 petang
Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan Berakas	6.2.1984	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	7.2.1984	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	7.2.1984	Selasa	10.30-11.30 "

JANGAN HANYUT DAN LALAI OLEH KESERONOKAN

Marilah kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa yang suruhan-Nya sama ada suruhan itu kita sukai atau tidak, dan menjauhi segala apa jua yang dilarang-Nya sama ada larangan itu kita tahu sebabnya atau pun tidak. Inilah yang dinamakan taat dan bertakwa kepada Allah, tidak memban-

tah suruhan dan larangan-Nya.

Banyak hadis-hadis Nabi s.a.w. yang mengingatkan kita tentang taubat dan amal salih. Kerana dua jenis perbuatan ini satu-satunya menjadi sumber keampunan Allah, dan bahkan sumber pertolongan-Nya kepada kita Umat Islam. Cuba perhatikan hadis ini daripada sahabat Jabar Radhiallahu Anhu riwayat Ibnu Majah yang bermaksud lebih kurang :

PESAN RASULULLAH

"Wahai manusia, bertaubatlah kamu kepada Allah sebelum kamu mati. Dan bersegeralah melakukan amal salih sebelum kamu sibuk. Dan sambunglah perhubungan antara kamu dengan Allah dengan banyak berzikir dan banyak bersedekah secara senyap-senyap dan berterang-terang, nescaya kamu dikurniakan rezeki dan pertolongan serta kekuatan dan kebaikan."


Demikianlah pesan Rasulullah s.a.w. supaya

kita manusia ini sentiasa merendah diri bertaubat memohon keampunan Allah Subhanahu Wataala di atas segala dosa dan ketelanjuran kita iaitu sebelum nyawa berpisah dari jasad. Manakala telah berpisah nyawa dari jasad maka peluang itu pun tertutuplah.

Menurut keterangan yang lain, dosa atau kesalahan itu akan hapus, dan kita ada harapan mendapat keampunan daripada Allah, setelah kita berjaya melakukan beberapa perbuatan hati dan anggota iaitu (1) berazam tidak akan mengulangnya lagi, (2) bercita-cita menghindarkannya terus, (3) merasa takut menerima balasan-Nya dan (4) bersungguh-sungguh mengharapkan keampunan. Sementara perbuatan oleh anggota lahir mesti pula dikerjakan di antaranya tunaikan sembahyang fardu, istighfar banyak-banyak berpuasa dan lain-lain.

TAMAK DAN LALAI

Semua ini adalah amal salih. Puncu dari amal salih itu ialah kesedaran. Banyakkan ingat akan Allah. Banyakkan mengenang akhirat. Jangan hanyut dan lalai oleh keindahan dan



keseronokan dunia. Bataskan rasa tamak kepada dunia, kerana orang tamak itu biasanya lalai dan lupa, sehingga tahu-tahu ia masuk ke dalam kubur. Sebagaimana firman Allah di dalam Surah At-Takwir yang tafsirnya :

"Kamu dilalaikan oleh perlumbaan memperbanyak kekayaan (tamak dengan keseronokan dunia ini). Sehingga kamu masuk kubur."

Begitulah, amat rugi orang-orang yang lalai dan tamak itu di sisi Allah. Kerana mereka lupa, dilupakan oleh dunia dengan segala isi di dalamnya yang berupa keseronokan, kemewahan, harta benda, kuasa, anak-pinak, yang hanya menjadi perhiasan hidup sementara sahaja. Firman Allah Taala dalam Surahul Kahfi ayat 46 yang tafsirnya :

PERHIASAN DUNIA

"Kekayaan dan anak-anak itu ialah perhiasan

kehidupan dunia, sementara pekerjaan dan amal salih itu lebih kekal dan lebih bagus pahalanya di sisi Allah Tuhan engkau, dan lebih elok dan tepat dari segi pengharapan."

Kerana itu pula, wahai kaum Muslimin, amal salih itu dijadikan sumber kekuatan dan pertolongan Allah kepada umat Islam menurut hadis di atas. Sebab adalah tidak syak, amal salih yang dilakukan orang-orang Islam bermakna juga suatu sumbangan kepada Ughama Allah, dengan perbuatannya yang baik dan betul mengikut syarak itu bererti dia membenarkan Ughama Allah, dia membela Ughama Allah, dia turut berjuang meninggikan Ughama Allah. Apabila ini dilakukan, maka berlakulah janji Allah di dalam al-Quran, bahawa barangsiapa yang menolong Ughama Allah, memelihara dan meninggikannya maka Allah pasti menolong dan menguatkan kedudukan mereka itu. (Lihat Surah Muhammad ayat 7).

KESIBUKAN BUKAN

ALASAN

Menuju keredaan Allah

SYURGA adalah kemuncak nikmat yang dicita-citakan oleh setiap manusia yang hidup di dunia ini. Syurga adalah tempat terakhir yang kekal yang penuh dengan kenikmatan dan kelazatan yang tiada taranya. Allah s.w.t. telah menguji kita dengan perintah-perintah dan larangan-larangan-Nya. Kita diperintahkan mentaati semua perintah dan larangan itu agar dilorongkan suatu jalan untuk sampai ke syurga dan mengesap segala kenikmatan dan kelazatan yang telah disediakan itu.

Pada lahirnya, jalan menuju syurga itu terlalu mudah, sehingga setiap kita merasakan bahawa kita akan tergolong sebagai ahli syurga yang ditempatkan secara langsung tanpa 'transit' atau singgah terlebih dahulu di Neraka Jahanam. Seorang wanita hanya perlu menunaikan sembahyang fardu lima waktu, puasa bulan Ramadan, menjaga kehormatan diri, mentaati suaminya. Kelihatannya begitu gampang. Khabar gembira ini diriwayatkan oleh Al-Bazzar dan Anas yang bermaksud kira-kira :

"Nabi s.a.w. bersabda : Apabila seorang wanita mengerjakan sembahyang lima waktu, puasa bulan Ramadan, menjaga kehormatan dan taat kepada suaminya maka masuklah ia ke dalam Syurga." Inilah kelebihan yang patut dibanggakan oleh setiap wanita yang menyebabkan orang lelaki menjadi iri hati.

Isteri adalah pemimpin dan pengurus rumah tangga. Kerana itu bagi menjamin dalam rumah tangga itu berjalan seperti yang digariskan oleh Islam setiap wanita mestilah mempunyai ketakwaan yang sempurna. Ketakwaan yang tulen akan menjamin seorang wanita itu menjalankan tuntutan rukun Islam terutama sembahyang dan puasa dengan insaf sebagai seorang isteri apalagi yang telah menjadi ibu. Wanita tenggelam dalam kesibukan yang terus-

menerus semata-mata bagi mewujudkan suasana harmoni, kemas dan sihat. Kita sering mendengar keluhan ibu-ibu yang tidak dapat menunaikan sembahyang dengan teratur dan sempurna kerana kesibukan dan kerumitan mengatur dan mengurus rumah tangga. Sulit untuk sembahyang kerana setiap kali menunaikan sembahyang maka setiap kali itulah juga mesti mandi terlebih dahulu kerana najis anak-anak damit atau kencing melekat sama ada di pakaian atau di tubuh badan.

Hukum Islam sebenarnya tidak sesukar itu, memadai kalau bahagian anggota badan yang terkena najis itu sahaja yang dibersihkan tanpa payah mandi dan kita hanya perlu menukar pakaian yang bersih. Kerana sembahyang itu akan dapat memberikan ketenangan dan menghindarkan kemungkaran.

Begitu juga ibadat puasa jangan dijadikan alasan bahawa sebagai ibu terpaksa menyediakan makanan anak-anak yang belum berkewajipan puasa kita tidak dapat berpuasa. Tentulah kita akan tersinggung kalau dianggap seperti anak-anak yang belum cukup umur untuk berpuasa.

Apakah tidak timbul dalam diri kita rasa iri hati kepada orang-orang lelaki yang boleh terus-menerus menunaikan ibadat sembahyang dan puasa tanpa halangan-halangnya, tentulah pahala dari amalan

tersebut juga jumlahnya lebih banyak jika dibandingkan dengan amalan-amalan kita. Kita dihalangi oleh faktor biologi, umpamanya halangan kerana bersalin, sembahyang terpaksa cuti 40-50 hari, kalau kebetulan bulan Ramadan melepas lagi dan sembahyang bulan itu paling-paling dapat ditunaikan 20 hari sahaja. Di mana atau bagaimana kita dapat memenuhi kekurangan pahala tersebut? Caranya ialah dengan menjaga kehormatan maruah dan keperibadian bagi melindungi diri dari kemungkaran dan gossip-gossip yang boleh menghantui rumah tangga. Perlindungan yang paling berkesan ialah dengan berpakaian, bersikap dan bergaul cara Islam.

Kita sukar berada di pertengahan jalan menuju syurga, syurga itu tetap kita raih dengan melakukan kehormatan kepada suami, ketua rumah tangga. Sebagai isteri kita wajib mentaati dan menghormati suami dalam segala hal yang tidak bertentangan dengan hukum Allah. Mentaati suami bermakna mencari keredaan Allah, menderhakai suami mencampakkan kita kepada kemurkaan Allah s.w.t. Amalan bermuka manis, bertutur sopan adalah peranan yang boleh merukunkan rumah tangga. Perhatikan sahaja bentuk fizikal lidah kita, ia mengisyaratkan kita supaya kita mempergunakan lidah bagi tujuan yang mententeramkan bukan untuk mengumpat apalagi mengeluarkan kata-kata kesat kepada suami. Lidah tidak hanya dikawal rapi oleh dua batalion tentera dari gigi tetapi juga dikawal oleh sepasang bibir yang dapat kita ibaratkan sebagai pintu gerbang bagi mengawasnya dari mengeluarkan kata-kata yang sewenang-wenang yang boleh menghancurkan kebahagiaan dan menghilangkan ketaatan kita kepada suami.

Angka tunjuk barang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan Disember, 1983 ialah 139.5 mata dan ini menunjukkan tidak ada perubahan dengan bulan November, 1983. Dibandingkan pula dengan bulan yang sama di tahun yang terdahulu iaitu Disember, 1982, angka tunjuk bulan ini adalah lebih tinggi sebanyak 0.3%. Kadar inflasi bagi sepanjang

tahun 1983 hanyalah 0.3%. Ini adalah jauh turunnya dari tahun 1982 yang telah mencatatkan kadar inflasi yang rendah di negeri-negeri lain terutamanya negeri-negeri dari mana kita mengimport barang-barang keperluan kita dan ditambah pula oleh kenaikan nilai ringgit Brunei berbanding dengan mata-mata wang utama adalah merupakan sebahagian dari sebab-sebab yang menyebabkan kadar inflasi rendah dalam tahun 1983.

Dalam bulan ini, angka tunjuk kumpulan "Barang-Barang dan Perkhidmatan Rampaian" telah naik sedikit sebanyak 0.1%, sementara angka tunjuk lain-lain kumpulan masih tetap tidak berubah.

Kumpulan kecil 'Ikan' telah turun angka tunjuknya sebanyak 0.5% disebabkan oleh harga-harga temenung besar, bakulan, bilis, udang galah dan udang kecil yang lebih murah. Bagaimanapun, ini telah diimbangi oleh kenaikan harga-harga ikan tenggiri dan barah-barahan. Harga-harga bagi buah-buahan, nanas, kubis, timun, kacang bendir dan berbagai jenis krim muka juga turun sedikit.

Dari muka 1

maju dan makmur diredai Allah hingga ke generasi yang akan datang.

Berhubung dengan pembukaan rasmi Masjid Kampong Mentiri itu, Yang Amat Mulia berpendapat ianya adalah merupakan setapak lagi kemajuan yang telah dicapai dan kemudahan yang diperolehi oleh penduduk kampung itu khasnya serta perkembangan syiar Islam di negara ini amnya.

Selanjutnya Yang Amat Mulia menyeru dan mengingatkan umat Islam supaya akan sama-sama mengambil berat terhadap kepentingan masjid dan fungsinya kepada masyarakat Islam di negara ini.

Lawatan dakwah ke Tutong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ughama akan meneruskan lagi lawatan-lawatan dakwah dan tabligh ke daerah pendalaman di Tutong oleh pegawai-pegawai dari bahagian berkenaan untuk menyampaikan ceramah-ceramah ughama kepada penduduk di tempat-tempat berikut :

Pada 6 hingga 8 Februari depan di Kampong Supon Kecil, 13 hingga 14 Februari Kampong Long Mayan, 20 hingga 22 Februari Kampong Bukit dan 28 hingga 29 Februari Kampong Supon Besar.

Jadual lawatan bagi bulan Mac juga diaturkan, iaitu mulai 5 hingga 7 haribulan Kampong Bukit, 12 haribulan Kampong Ukong, 19 hingga 21 haribulan Supon kecil dan pada 26 haribulan ke Kampong Binutan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

MASALAH JANDA TINGGAL DENGAN KELUARGA

(Sambungan) KAFIR Siri ke — 211



8. Rasulullah s.a.w. mengajak orang-orang yang beriman dan sahabat-sahabat Rasulullah r.a. menyeru dan memanggil pada beriman, dan orang ramai menyahut seruan Rasulullah dan seruan sahabat Baginda Rasulullah s.a.w. dan mereka berduyun-duyun masuk ugama Allah sebagaimana firman Allah Taala dalam surah An-Nasr yang tafsiirannya:

"Apabila datang kemenangan Allah dianugerahkan kepada Rasulullah s.a.w. dan sampai masanya membuka dan mengambil negeri Mekah dari tangan orang-orang Musyrikin, dan kamu lihat manusia berduyun-duyun masuk ugama Allah setelah Negeri Mekah diambil dari tangan orang-orang Musyrikin, maka hendaklah kamu banyak-banyak mengucap tasbeih dan hendaklah kamu banyak-banyak mengucap istighfar, kerana bahawasanya Tuhan kamu Yang Maha Pengampun."

9. Orang yang masuk Islam setengah mereka meninggalkan kampung halaman dan berpisah daripada ibu bapa dan keluarga seperti sahabat Abu Hurairah r.a. meninggalkan ibunya dan meninggalkan kampung halaman tumpah darahnya pergi berlindung di Medinah Al-Munawwarrah.

10. Rasulullah s.a.w. di Medinah Al-Munawwarrah telah memberi perlindungan kepada orang-orang yang masuk Islam yang meninggalkan kampung halaman dan tanahair tempat tumpah darah serta berpisah dari ibu bapa dan keluarga seperti Sayidina Abu Hurairah r.a. dengan kelaparan dan kemiskinan dan kemelantaran semata-mata cintakan Rasulullah s.a.w. dan cintakan ilmu Islam yang ditaburkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada orang-orang Islam dari semasa ke semasa, dan Rasulullah s.a.w. telah memberi tempat tinggal kepada mereka seperti

Sayidina Abu Hurairah dan kawan-kawan yang sepertinya di satu tempat di sebelah belakang Masjid Rasulullah s.a.w. yang dinamakan "Suffah."

Baginda Rasulullah s.a.w. dan umat-umat Islam yang dahulu membela dan mempertahankan orang-orang yang baharu masuk Islam yang menderita berpisah daripada keluarga dan meninggalkan kampung halaman dengan memberikan perlindungan kepada mereka.

Kewajipan Menyelamatkan Sesama Islam

Oleh yang demikian berhubung dengan masalah seseorang perempuan muallaf yang baru masuk Islam yang telah bercerai dari suaminya dan terpaksa balik berlindung di rumah ibunya yang kafir dan keluarga kafir, mestilah mendapat perhatian umat Islam pada membela perempuan seperti yang disebutkan itu, sebagaimana umat Islam mengambil perha-

tian berat pada membela nasib anak yatim dan janda-janda yang susah yang lain-sekiranya umat Islam dan ahli dakwah Islam hendak berjaya dalam tugas mereka pada menyeru orang bukan Islam masuk ke dalam Islam. Dakwah adalah suatu kewajipan dan fardu sebagaimana kata Al-Imam An-Nawawi dan membela orang berhajat dan susah adalah suatu kewajipan dan fardu yang lain sebagaimana ditegaskan oleh Al-Imam An-Nawawi terdahulu.

Adalah menjadikan kewajipan (wajib) bagi menyelamatkan janda dan anak kecilnya dari suasana kufur dan dari kufur dan membiarkan perempuan itu dengan keadaan begitu adalah suatu dosa dan kelemahan dan taksir (kecuai).

Diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud daripada sahabat Samurah bin Jundub dalam bab perkara diam di kampung orang-orang Musyrikin.

Berkata sahabat Samurah bin Jundub bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang ertinya: "Barangsiapa berhimpun dengan orang Musyrikin dan ia diam bersama-sama mereka maka dia macam orang Musyrikin itu."

Berkata Al-Imam Al-Kabir Hadis ini adalah Hadis Hassan yakni boleh dipakai dan dibuat dalil.

Kata Al-Imam As-Subki daripada sahabat Anas r.a. telah berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. yang ertinya, "Jangan kamu diam bersama-sama orang Musyrikin dan jangan kamu berhimpun dan bersetuju dengan mereka, maka barangsiapa diam bersama-sama mereka atau berhimpun dengan mereka bahawa dia macam mereka."

Berkata Al-Imam Abu Ubaid dalam kitab Al-Awwal, menurut sandaran daripada Al-Imam Qais bin Saad (Mufti Mekah yang mati tahun 119 Hijrah) telah berkata: Saya mendengar Tawus At-

Tabie Al-Imam Al-Alam yang mati tahun 106 Hijrah berkata yang ertinya: "Tiada sayugia rumah rahmat di sebelah rumah azab yakni seperti gereja dan rumah berhala bersama-sama berhampiran dengan masjid dalam negeri Islam."

Ulama telah khilaf dan bersalahan pada menamakan Ahlul Kitab itu dengan nama orang Musyrikin maka Hadis yang di atas ini pada At-Tabie Al-Imam Tawus bahawa ahli Al-Kitab masuk di bawah orang-orang Musyrikin, maka boleh dibuat dalil maka dari itu haram diam bersama-sama (berhampiran) mereka. (Ahli Kitab ialah Yahudi dan Nasrani).

Dipetik dari kumpulan Fatwa Al-Imam Al-Mujtahid As-Subki yang meninggal tahun 756 Hijrah.

WALLAHUAKLAM

37 calon lulus SPU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 37 calon dari 58 orang yang menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama telah lulus. Demikian telah diumumkan oleh Bahagian Pelajaran Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama yang mengelolakan peperiksaan tersebut bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah dan Sekolah Menengah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit sejak tahun 1973.

Berbanding dengan tahun 1982 ramai calon yang menduduki peperiksaan dari kedua-dua buah sekolah ialah 19 orang dan lulus 17 orang iaitu 89%, Sekolah Menengah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit telah mencapai kelulusan yang cemerlang dengan mendapat seratus peratus lulus dari 11 calon yang menduduki peperiksaan tersebut.

Menurut analisa keputusan peperiksaan tersebut Sekolah Menengah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Anak Damit terus meraih keputusan cemerlang dengan mendapat 91% dari 34 calon hanya 3 orang gagal. Manakala Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah hanya berhasil mendapat 25% dari 24 calon di mana 18 orang telah gagal.

Peperiksaan tahun lepas (1983) telah diadakan pada awal bulan Oktober dan berpusat di Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah.

Keputusan penuh peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:

Faridah bte Yaakob 3, Hamidah Nulani bte Hamid 1, Hamidah @ Suraya bte Aspar 1, Halimah bte Maidin 1, Halimah bte Lamit 3, Johrah bte Anap 3, Kartini bte Bakar 3, Kasni bte Hashim 1, Majanah bte Abdullah 1, Mariah bte Saban 1, Masni bte Haji Mohin 3, Masnah bte Awang Besar 1, Nor Aliza bte Mohd. Hassan 1, Ummi Kalthum bte Mohd. Nor 1, Rosita bte Moham-

mad 3, Rosmah bte Maksin 3, Sabariah bte Haji Hasan 1, Sofia bte Abd. Salam 1, Salina bte Abd. Rahman 3, Samsiah bte Azahari 3, Sarimah bte Haji Abu Bakar 1, Shaerah bte Abd. Razak 3, Siti bte Amba 1, Tijah bte Alim 3, Dayang Zainab bte Haji Awang Tuah 1, Noraini bte Hamid 1.


Abdul Rahman bin Matzin 1, Abdul Razak bin Bujang 3, Ali Bolkiah bte Haji Mohd. Diah 1, Ak. Su'ib bin Pg. Mo'min 3, Jamil bin Haji Kani 3, Roslan bin Sulaiman 3.

Gadis Murut memeluk Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang lagi gadis Murut memeluk ugama Islam di satu majlis yang berlangsung di rumah Awang Haji Putih bin Ahmad di Kampong Sungai Kedayan 'B' di sini pada 19 Januari yang baru lalu.

Dayang Yuhana bte Buayah, 20 tahun telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan seorang pegawai ugama Ustazah Dayang Aishah bte OKML Awang Haji Mohd. Yusuf dengan memilih nama Islamnya sebagai Dayang Noor Rosewati bte Abdullah.

Majlis itu juga dihadiri oleh pegawai-pegawai ugama dan diserikan dengan zikir marhaban.



Calon-calon ke Sekolah Ugama Menengah Arab RIPAD

diarah daftar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Sekolah Ugama Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, di Jalan Tutong, memaklumkan kepada calon-calon yang telah terpilih untuk memasuki sekolah tersebut tahun ini, supaya akan dapat hadir ke dewan besar sekolah itu pada 4 Februari, hari Sabtu, jam 8.00 pagi.

Para ibu bapa atau penjaga penuntut-penuntut berkenaan dikehendaki membawa segala keperluan penuntut tersebut sepertimana yang telah diberitahu kemudian.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1 Februari, 1984 hingga ke hari Selasa 7 Februari, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	BULAN	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	
1- 5		12.40	3.59	4.00	6.36	6.37	7.47	7.48	5.20	5.07	5.21	6.36
6- 7		12.40	3.59	4.00	6.36	6.37	7.47	7.48	5.20	5.07	5.21	6.36

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Lebuh raya Jerudong-Tutong SIAP SEPT '85

DALAM masa beberapa tahun kebelakangan ini masalah kesibukan lalulintas adalah menjadi isu-isu utama yang sering diperbualkan oleh sebilangan pengguna-pengguna jalan raya.

Kesibukan-kesibukan tersebut dapat dilihat apabila orang ramai berpusu-pusu memulakan tugas-tugas harian masing-masing sama ada hendak menuju ke tempat kerja, membeli-belah, menghantar anak-anak ke-sekolah, lebih-lebih lagi di musim-musim hari perayaan.

Dari keadaan tersebut kelancaran perjalanan menjadi terbantut dan terpaksa menunggu masa yang lebih lama sebelum meneruskan perjalanan semula.

KENDERAAN BERTAMBAH

Selain daripada kesibukan lalulintas, bertambahnya kemasukan kenderaan yang beraneka jenis ke negara ini juga salah satu sebabnya. Deretan kenderaan-kenderaan yang membanjiri setiap ruang jalan-jalan raya

terutama di kawasan-kawasan bandar, tidak syak lagi menambahkan kerumitan sistem perjalanan lalulintas apabila para pengguna masing-masing bersikap mahu cepat sampai ke tempat yang dituju.

Memandangkan kepada keadaan inilah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Kerja Raya telah mengeluarkan peruntukan yang besar jumlahnya untuk membina jalan-jalan raya, serta juga mengubah-suai perhubungan lalulintas di samping memasang lampu-lampu isyarat, tanda-tanda jalan dengan tujuan bagi memudahkan sistem perjalanan yang baik dan teratur.

Kini Jabatan Kerja Raya sedang giat membina lebuh raya yang menggabungkan di antara Tutong, Jerudong, dan Muara, dengan dipecahkan kepada dua bahagian pembinaan iaitu Tutong-Jerudong

Oleh: Ahat Ismail

Gambar oleh:
Pg Yaakub PMHH.

dikendalikan oleh Syarikat dari Jepun, manakala Jerudong - Muara dikendalikan oleh Syarikat Swec.

Siapnya projek besar ini nanti setentunya perhubungan-perhubungan lalulintas akan berjalan dengan lancar serta mengurangkan jumlah kenderaan yang ketika ini menggunakan jalan-jalan antara Bandar Seri Begawan - Tutong.

Berkenaan dengan projek ini, Penolong Pengarah Kerja Raya Awg Lim Lam Khiong menyatakan bahawa ianya dilaksanakan bertujuan untuk mengatasi suasana kesesakan lalulintas pada masa ini.

MENGURANGKAN KESESAKAN

"Lebuh raya baru ini akan melalui Pusat Perniagaan Pekan Tutong dan Perkemahan Batalion Kedua



LEBUH raya di persimpangan Lambak Berakas dari Muara ke Jerudong telah pun digunakan oleh berbagai kenderaan seperti yang dapat dilihat dalam gambar ini.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang tidak berapa jauh dari situ. Pembinaan sistem lebuh raya moden seperti ini diharapkan dapat mengurangkan masalah perhubungan di samping memberi kemudahan lalulintas kepada kawasan-kawasan Bandar Seri Begawan dan berulang-alek ke beberapa bahagian di negara ini," jelas Awg Lim.

Pembinaan projek lebuh raya ini telah dimulakan pada bulan Jun 1979, dan masa itu kerja-kerja pembinaannya dijalankan oleh Syarikat R.C. Gonzalez dari Filipina.

Kemudian pembinaannya diteruskan pada akhir bulan Mei tahun lepas, dan dijangka siap pada bulan September 1985. Lebuh raya antara Jerudong - Tutong tersebut adalah sejauh kira-kira 19 batu lebih dengan mengandungi sebanyak sembilan buah jambatan-jambatan penghubung.

Tujuh dari sembilan buah jambatan tersebut dibina bagi merentangi sungai-sungai kecil, manakala dua jambatan lain ialah bagi menghubungkan jalan seterusnya. Jambatan di Penanjong Tutong ialah jambatan yang terpanjang sekali dalam projek ini di mana panjangnya kira-kira 500 kaki, dan jambatan di Jerudong Park panjangnya kira-kira 53

kaki. Kerja-kerja pembinaan jalan-jalan tersebut dilakukan oleh Syarikat Tobishima Corporation dengan menelan belanja sejumlah 44,400,000 juta ringgit.

Sementara itu pembinaan lebuh raya antara Muara - Jerudong telah siap dan dapat digunakan ketika ini. Lebuh raya ini sejauh kira-kira 17 batu lebih, dan pembinaannya dikendalikan oleh Syarikat Swee Pte Ltd dengan menelan belanja sebanyak 28 juta ringgit.

PERKEMBANGAN TERBARU

Pada keseluruhannya pembinaan projek di tiga kawasan tersebut menelan belanja hampir 70 juta ringgit, mengandungi 38 batu serta mempunyai empat lorong jalan. Ianya disifatkan sebagai satu perkembangan terbaru dalam sistem perhubungan bagi negara ini yang sudah barang tentu akan memberikan kemudahan di bidang perhubungan kepada rakyat dan penduduk di negara ini khususnya.

Setakat ini Jabatan Kerja Raya telah selesai menyiapkan beberapa buah jalan yang diubahsuai kedudukannya dan ditambah sistem isyarat lalulintas untuk kemudahan kenderaan dan orang ramai

seperti yang terdapat di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan, Jalan Tasik Lama, Jalan Kumbang Pasang, serta jalan-jalan Gadong dan Tutong yang kini hampir siap pembinaannya.

"Apabila siap sepenuhnya jalan-jalan tersebut, sudah tentu masalah kesibukan jalan raya sekarang-kurangnya akan dapat diatasi," kata Penolong Pengarah JKR.


Sebilangan besar masalah kesibukan lalulintas dewasa ini ialah kerana bertambahnya orang ramai memerlukan kenderaan, manakala jalan-jalan dilalui hanyalah tertumpu di satu kawasan saja.

Pusat-pusat perniagaan Bandar Seri Begawan dan Gadong terang Awg Lim, adalah merupakan kawasan yang terpenting serta pengubahsuaian dan pembesarannya terpaksa dilakukan.

Sehubungan dengan ini Kerajaan seterusnya banyak membina jalan-jalan kecil bagi menghubungkan kawasan-kawasan pedalaman, di samping memodenkan negara ini di bidang perhubungan selaras dengan perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh negara kita.



SALAH sebuah jambatan konkrit untuk lalulintas merentasi jalan masuk ke Jerudong Park sedang dalam pembinaan.



LALUAN lebuh raya yang memintas Jalan Penanjong akan berbentuk jejatas menuju pusat bandar Pekan Tutong di Bukit Bendera.



LAGI salah satu jambatan yang terpaksa dibina di sepanjang perjalanan lebuh raya ini ialah di Jerudong untuk menghubungi sambungan ke Berakas dan Muara.

4,065 TAHUN KHIDMAT DIRAIKAN

Ubahsuai Kelab Ria berjalan lancar

PROJEK pengubahsuaian Kelab Ria Shell Brunei berjalan lancar dengan siapnya serta penyerahan ke atas beberapa kemudahan-kemudahan di situ.

Kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan video, perpustakaan buku dan bilik bacaan, kawasan aktiviti, tangga dan ruang depan tempat masuk utama, pejabat-pejabat simpanan pukal, bilik-bilik bertukar pakaian, tandas-tandas dan kawasan-kawasan jalan tambahan, yang diserahkan kepada pengurusan kelab pada hari Jumaat, 6 Januari lalu.

Ini adalah bahagian terakhir bagi rumah kelab yang baru itu dan telah diubahsuai dari restoran lama, dapur, bar di atas dan bilik istirahat dan perpustakaan. Semua kawasan berhawa dingin kecuali bilik-bilik bertukar pakaian.

Kawasan-kawasan yang masih lagi hendak disertakan termasuklah padang tenis, membarui kolam, padang permainan, taman bunga, padang permainan bola tampar dan padang permainan sepak takraw.

Kesemua ini dijangka akan siap dalam dua bulan yang akan datang ini.

PEKERJA-PEKERJA yang telah menyumbangkan sejumlah 4,065 tahun bekerja dengan Shell Brunei telah dirayakan dalam satu majlis yang berlangsung di Kelab Ria Shell Brunei pada malam Rabu minggu lalu.

Pekerja-pekerja yang seramai 134 orang itu adalah daripada berbagai peringkat dan dari berbagai-bagai bidang dalam organisasi Shell Brunei. Majlis itu menandakan pencapaian perkhidmatan selama 25, 30 dan 35 tahun mereka dengan syarikat.

Kawasan-kawasan yang begitu luas yang terdapat di dalam SRC membolehkan para isteri dan para suami yang menerima pingat-pingat kerja lama yang berlangsung pada malam itu.

"Saya sungguh gembira bahawa kami telah dapat melaksanakan ini dan saya percaya bahawa para isteri dan para suami juga menyumbangkan secara tidak langsung dalam usaha Syarikat yang lancar dan di atas kehadiran mereka ini membolehkan kami mengenal sumbangan-sumbangan mereka," kata Peter Everett, MD dalam ucapan beliau di majlis itu.

Ia kemudiannya diikuti dengan acara kemuncak majlis penyampaian pingat-pingat kerja lama oleh Pengarah Urusan kepada semua para penerima.



AWANG Haji Sulaiman bin Haji Awang Damit adalah salah seorang daripada 134 orang penerima pingat-pingat kerja lama yang berlangsung pada malam itu.

Majlis yang bersejarah itu bagi kebanyakan pekerja yang dirayakan adalah merupakan satu suasana yang menggalakkan bagi mereka untuk mengenang kembali segala peristiwa yang berlalu semasa mula bekerja dengan Brunei Shell.

Dalam detik yang penuh kenangan itu tidak mengecualikan Awang Haji Sulaiman untuk mengenangkan sedikit aktiviti yang pernah ditempuhnya dulu. Gambar atas adalah merupakan satu potret yang diabadikan semasa Awang Sulaiman mewakili satu perjumpaan pengakap di Singapura.



Kursus Kepner Tregoe

SERAMAI 13 orang peserta dari berbagai jabatan Syarikat Minyak Shell baru-baru ini telah mengikuti kursus Kepner Tregoe Fulcrum yang diadakan buat pertama kali tahun ini.

Kursus empat hari itu berakhir Khamis lalu dan telah dikendalikan oleh Awang Ismail Opak dan Abdullah Zakiah dari Bahagian Latihan PPD.

Kelihatan Awang Abdullah Zakiah ketika memberikan penerangan kepada peserta dalam kursus tersebut. (bawah)



Stesen Badas sentiasa sibuk

AIR PASANG suatu pemandangan yang biasa di sepanjang waktu ini telah membuat pekerja-pekerja di Stesen Mengepam Badas sentiasa sibuk.

Keadaan air sedang naik dari empat ke lima inci dari atas permukaan pam terpaksa mereka mengawasi keadaan tersebut dengan lebih rapi kerana tersilap sedikit akan mengakibatkan banyak masalah.

Batang-batang kayu dan sampah sarap yang dibawa arus mesti dibersihkan dua atau tiga kali sehari untuk mencegah ia dari masuk ke rumah mengepam dan menghalang pengalirannya.

Stesen Mengepam Badas tidak dapat dinafikan memainkan peranan yang penting, kedua-duanya bagi operasi dan rumahtangga.

Stesen yang menarik air dari sungai Badas itu boleh membekalkan sehingga 23,000 meter padu sehari. (17 peratus dari jumlah

pengeluaran yang dibekalkan kepada kerajaan).

Terdapat tujuh buah pam di stesen tersebut yang mana lima di antaranya digunakan 24 jam sehari.

Semasa musim seperti ini adalah amat perlu bagi kakitangan SES/36 untuk sentiasa mengawasi keadaannya. Tugas utama termasuklah membersihkan pam-pam tersebut beberapa kali dari masa ke semasa.

Alat perhubungan yang utama untuk sampai ke stesen itu ialah dengan menggunakan loko yang mengambil masa lebih kurang 35 minit.

Lawatan DPM Singapura

BRUNEI Shell telah meraitkan sekumpulan ahli-ahli Dewan Perniagaan Melayu Singapura yang mengadakan lawatan ke Syarikat tersebut baru-baru ini.

Dalam kunjungan itu mereka telah diberikan

Projek penyelamatan AMPA bermula

FASA pembinaan yang terkandung di dalam projek penyelamatan AMPA I dan 2 bermula bulan ini dengan lukisan pembinaan bagi satu pelantar penggerudian yang baru AMDP - IR.

Projek tersebut melibatkan kompleks-kompleks luarpantai AMPA I dan AMPA 2, dua daripada bangunan luar pantai yang tertua di Padang Barat Daya Ampa.


Pelantar penggerudian AMPA I yang wujud pada ketika ini telah didirikan pada tahun 1965 dan adalah merupakan pelantar yang pertama dibina di padang luarpantai.

Pemeriksaan-pemeriksaan yang dijalankan beberapa tahun yang lalu telah menunjukkan yang ianya telah fosak teruk akibat karat dan memerlukan penggantian seandainya pengeluaran dan operasi penggerudian hendak diteruskan pada telaga-telaga minyak dari pelantar tersebut.

Salah satu aspek yang besar dalam projek ini ialah penyelamatan semula pelantar AMDP I yang lama, dan pemasangan pelantar penggerudian di kawasan yang berdekatan dengan tempat penemuan telaga minyak.

Aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan projek ini termasuklah menyelamatkan dan penggantian AMPP IR pelantar produksi yang lama, penguatan struktur dengan penempatan semen di samping memberhentikan perkhidmatan pelantar produksi AMPP IR.

Projek ini diunkayahkan oleh jabatan-jabatan EPC, EDE dan ECO.



RTB

minggu ini

TETAMU RADIO

TETAMU Radio Minggu Ini, seorang penyanyi veteran dari Kuala Belait, pada ketika dulu banyak menyumbangkan suaranya menerusi corong radio Brunei dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an. Beliau ialah Dayang Julia Chee. Rancangan tersebut akan disiarkan pada hari Ahad.



Dari Pendengar Untuk Pendengar

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar kembali bersama awda minggu ini dengan menampilkan pesertanya Dayang Hasnah binti Ibrahim di alamat No: 27 A Kg. Ujong Tanjong Brunei.

Dayang Hasnah memilih tujuh buah lagu untuk hiburan kita semua, rancangan ini akan ke udara pada hari Selasa 7 Februari jam 4.00 petang.



RANCANGAN Wizards and Warriors mengakhiri sirinya minggu ini dengan episod berjudul: "Night of Terror".

RADIO MINGGU INI: MUHIBAH

HUBUNGAN mesra dan saling mengerti antara satu dengan yang lain adalah merupakan ciri-ciri hidup yang perlu dikekang dalam arus kehidupan di mayapada ini. Tidak kira di mana kita berada, siapa bangsa, apa pegangan dan apa anutan.

Di tahun ini sekali lagi sahabat handai dan taulan kita orang-orang Tiong Hwa yang bernaung di bawah panji-panji Negara Brunei Darussalam ini sedang menempuh suasana baru yang cepat kita kenal dengan sebutan Kong Hee Fat Choi, Selamat Tahun Baru Cina.

Bagi mereka yang melalui di suasana kehidupan seperti ini, Pihak Radio Televisyen Brunei tidak juga ketinggalan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua kakitangannya yang berbangsa Tiong Hwa dan umumnya semua kaum Tiong Hwa yang berada di negara ini.

Kepada mereka yang ingin mengunjung sahabat handai dan taulan dari pelbagai bangsa, maka inilah waktunya rumah orang-orang Tiong Hwa terbuka untuk dikunjungi.

Jumpa mesra adalah melahirkan perasaan muhibah yang sejati di kalangan bangsa-bangsa yang bernaung di bawah panji-panji Negara Brunei Darussalam ini.

Bersempena menyambut Tahun Baru Cina ini, pihak Radio berkesempatan menyayulkan sebuah rancangan khas dalam rancangan Drama Radio yang diberi tajuk "HASRAT-NYA TERKABUL JUA".

Ya! dalam memahat-mahati apa juga bentuk perancangan dan apa juga bentuk sempena yang berlaku di negara kita ini, maka Radio tidak akan terkecuali melangkahakan kakinya untuk sama-sama menyertai di mana sesuatu peristiwa itu terjadi. Baik peristiwa yang berbentuk sekecil-kecilnya, mahupun peristiwa yang sebesar-besarnya. Baik yang bercorak keagamaan, peradatan kebudayaan, sukan malah apa sahaja yang berlaku dan yang dapat dihidu oleh radio, maka di situlah juga pihak radio akan mengambil peranan dan tempatnya untuk membuat penghebahan, liputan bagi pengetahuan masyarakat umum di negara kita ini.

Pahit manis, suka dan duka, radiolah yang akan menyuarakannya. Bak kata orang radio itu boleh menjadi penyampai hasrat untuk haluan pendengar. Ianya berlainan benar dari media masa yang berbentuk stereotip yang ada ketika ini.

Jika ada orang menyapa, tinggikan lagi mutu penerbitan radio.

Itu memang akur kerana itulah juga matlamat radio Sesiapapun di dunia ini, tidak akan mahu dirinya terkebawah dari yang sedia ada, lebih-lebih lagi pada zaman yang serba mencabar. Begitulah juga halnya dengan radio, ianya akan merubah, merumak dari semasa ke semasa

bentuk rancangan yang sedia ada dengan bentuk persembahan untuk pendengar di samping memperbaharui mutu terbitan yang sedia ada.

Jadi untuk menuju ke arah matlamat ini, tidak lain yang kami pinta, bentuk dan corak persembahan yang bagaimana untuk kami sajikan. Bersuaralah pendengar, agar radio tahu yang dirinya di-dampingi pada setiap masa dan ketika.

Tujuh hakikat muhibah dalam bentuk perancangan radio untuk kemajuan, pencapaian dan pelaksanaan dalam kehidupan bermasyarakat bagi mencapai tahap penyiaran untuk Negara Brunei Darussalam ini.

Muzikal Drama

PULAU CHERMIN

Oleh: Hajjah Masti Hj Ahmad

KISAH di zaman Brunei Tua akan tersingkap lagi dengan terbitnya Muzikal Drama Radio yang diberi tajuk PULAU CHERMIN yang dipadankan untuk cerita oleh penulis

Hajjah Masti Hj. Ahmad. Dalam kisah ini kita akan dibawa mengingati peristiwa sejarah yang sukar untuk kita lupakan sebagai satu warisan peribumi sejati. Dalam mana kisah ini memaparkan yang Brunei tua mempunyai dua orang sultan pada satu negara.

Apakah punca yang menyebabkan peristiwa ini terjadi, sedangkan kita mempunyai pertalian saudara yang begitu rapat antara satu dengan yang lain?

Maka dalam cerita Pulau Chermin ini akan dapat sedikit sebanyak gambaran peristiwanya yang berlaku pada zamannya. Di mana Pengiran Bendahara Muhyiddin telah menuntut bela atas kemangkatan ayahandanya Sultan Muhammad Ali yang dikenal juga Marhum Tumbang Di Rumpun.

Bagaimanakah caranya Pengiran Bendahara Muhyiddin mengistiharkan dirinya sebagai Sultan Brunei dan apa pula peristiwanya yang menyebabkan Sultan Abdul Mubin berpindah mendirikan ibukota di Pulau Chermin, sedangkan ianya tetap menjadi Sultan Brunei dan beribu negeri di Bandar Brunei sendiri?

Kesemuanya ini akan terjawab apabila kita mengikuti Muzikal Drama ini yang akan di keudarkan pada hari Ahad 5 Februari jam 10.30 pagi.

Rancangan ini akan diterbitkan oleh Dayang Helen Thu.



DENDANG REMAJA



Samainah Hj Othman



Md Ariffin Metussin



Roziah Hj Anak

Rancangan Wanita

KELUARAN kelima rancangan ini mempersembahkan lagu-lagu dendangan SAMAINAH HAJI OTHMAN, MOHD ARIFFIN MATUSSIN dan ROZIAH HAJI ANAK. Jemputlah mengikutinya pada hari Jumaat 3 Februari jam 5 petang. Ulangannya akan ke udara hari Ahad jam 11.00 pagi.

DAYANG Hamidah Haji Abu Bakar, wakil rancangan-rancangan di Studio Radio Televisyen Kuala Belait, sedang menemuramah Dayang Zauyah Haji Zakaria, salah seorang wanita yang aktif dalam persatuan wanita di Kuala Belait. Kegiatan Wanita-wanita di Daerah Belait, dapat diikuti siarannya tiap-tiap hari Sabtu jam 11.00 pagi.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 1 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK: "Capture The Moon"
5.00 SPIDERWOMAN: "Deadly Dream"
5.30 DIFFERENT STROKES
6.00 BERITA AWAL
6.05 321 CONTACT
6.20 TEKA TEPAT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE: "Hearts Of Steele"
Seorang peguam pakar cerai ingin tahu siapa hendak membunuhnya dan mengupah Steele dan Laura untuk menyiasatnya. Untuk siasatan ini Steele dan Laura terpaksa berlagak sebagai suami isteri yang sedang menghadapi keretakan dalam keluarga mereka.
7.48 AZAN ISYAK
7.53 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 PRIVATE BENJAMIN: "Take My Mother, Please"
Ibu P.T. Benjamin datang ke Fort Bradley setelah meninggalkan suaminya. Kolonel Fielding, bercita-cita untuk mendapat satu tugas memerintah di NATO, berusaha untuk menemukan pasangan yang bertelingkan itu.
9.35 ROAD TO WEMBLEY: Fulham lawan Tottenham Hotspurs (Replay).
10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Lover Come Back"
Kisah komedi seorang penjual iklan, yang selalu terserempak dengan seorang wanita saingan niaganya yang akhirnya meninggal juga. Pelakon-pelakon: Doris Day, Rock Hudson, Tony Randall, Eddie Adams, dll.
12.05 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 2 FEBRUARI

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.01 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 TAYANGAN GAMBAR: "Twilight's Last Gleaming"
3.45 HIBURAN — Bintang Undangan Sudirman Haji Arshad.
4.00 AZAN ASAR
4.03 Bintang Undangan — sambungan
4.30 MISS SWITCH TO THE RESCUE (Animasi)
5.30 KIMBA THE WHITE LION: "Magic Serpent" (Episod terakhir)
6.00 BERITA AWAL
6.05 SISTEM EJAAN BARU (Ulangan)
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 WORLD OF SURVIVAL: "Air Traffic Control"
Pusat kawalan trafik udara di Sand Lake, South Dakota agak berlainan dari yang lain. Di sana ada sekurang-kurangnya 350,000 penerbangan sehari — semuanya tidak berjadual. Sand Lake telah diketahui sejak tahun 1935 menjadi tempat laluan bukan untuk kapal terbang tetapi itik liar.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 WIZARDS AND WARRIORS: (Episod terakhir)
"Night Of Terror"
Telah menjadi pengajaran kepada Prince Greystone dan Princess Ariel adalah menjadi satu kesilapan besar memukul serangan di kawasan istana Karnaj yang penuh dengan sumpahan itu.

- 7.48 AZAN ISYAK
7.53 WIZARDS AND WARRIORS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 MAGNUM: "Faith And Begorrah"
10.35 CHICO AND THE MAN: "Uncle Sunny" (Episod terakhir)
11.05 CHICAGO STORY: "Not Quite Paradise" Bhg. 1
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 3 FEBRUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASIID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

PETANG

- 1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
2.15 BOOK ADVENTURES: "The Vertigo, Diamond Caper"
3.00 ROAD RUNNER
3.30 IN SEARCH OF: "In Search Of Great Lakes Triangle"
Tenaga ghaib di ruangan udara Amerika lebih banyak menimbulkan bencana di udara dan di laut dari Bermuda Triangle. Bolchkah para saintis dan ilmu fizik memberikan jawapannya?
4.00 AZAN ASAR
4.03 THUNDERBIRDS
4.30 MANAGEMENT
4.45 YOU ASKED FOR IT
5.10 OMNI, THE NEW FRONTIER
5.35 KONONNYA
6.00 BERITA AWAL
6.05 ON SAFARI
6.30 TEKA TEPAT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE YOUNG LAWYERS: "And The Walls Came Tumbling Down"
7.48 AZAN ISYAK
7.53 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA: "Amanah" Bhg. 2
9.35 DALLAS: "The Road Back"
10.35 PAUL ANKA: (GUEST: "Francis Julie")
11.15 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES
12.15 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 4 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
"Master of the Stolen Sunsword"
5.30 THUNDER THE BARBARIAN: (Episod terakhir)
6.05 JUST KIDDING: (Episod terakhir)
6.30 PRIVATE BENJAMIN: "The Triangle"
Persahabatan Judy dan Stacy hampir terputus apabila Stacy menyangka Judy merampas boy friendnya.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 PRIVATE BENJAMIN — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER: "Hooker's War"
7.48 AZAN ISYAK
7.53 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 WANITA TANAH AIR

- 9.35 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Phantom Of The Rue Morgue"
12.45 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 5 FEBRUARI

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 FANGFACE
2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
4.00 AZAN ASAR
4.03 SMURF
4.30 DOC: AROUND THE WORLD WITH BRIAN ADAMS
5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS: "Challenges" (Episod terakhir)
5.45 SPIDERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.37 AZAN MAGHRIB
6.05 SPIDERMAN — sambungan
6.47 ALICE: "The Pain Of No Return"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "The Skeleton Who Came Out Of The Closet"
7.48 AZAN ISYAK
7.53 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA
9.35 FORUM
10.30 TEACHERS ONLY
11.00 RULES OF MARRIAGE Bhg. 4 (Episod terakhir)
11.45 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 6 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 PANDAMONIUM: "The Great Space Chase"
4.55 CHALLENGE OF THE SUPER-

RANCANGAN TVP—dari 6 Feb hingga 8 Feb 1984

ISNIN — 6 FEBRUARI

PAGI

- 8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Batang)
Batang, adalah sambungan dari akar, Batang merupakan saluran atau jalan yang menolong pokok untuk menghantar air dan zat-zat makanan yang diresap oleh akar.
Batang tumbuhan ada bermacam-macam jenis. Ada batang tumbuh yang berkayu keras dan ada pula yang lembut.
Apakah jenis-jenis batang yang lain dan apakah sebabnya ia berkeadaan demikian? Jagan ketinggalan mengikuti siri rancangan ini.
9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (My House)
Look, Listen and Speak kali ini mengajar murid-murid nama-nama bilik yang terdapat dalam rumah dan beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'd'.
10.35 SAINS UNTUK DARJAH 5 (Burung)
Dalam rancangan ini murid-murid dibawa mengenal jenis burung. Burung-burung boleh dikenal dengan sifat-sifatnya seperti:
a. Mempunyai bulu di seluruh badan.
b. Bertelur
c. Bermafas dengan paru-paru
d. Mempunyai paruh
e. Berdarah panas.
Burung helang mempunyai paruh yang

- FRIENDS: "Fairy Tale Of Doom"
5.20 NEPTUNE JOURNALS: "Break Away" Bhg. 1
6.00 BERITA AWAL
6.15 TEKA TEPAT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D.: "Pasts Imperfect"
7.48 AZAN ISYAK
7.53 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 THE WINDS OF WAR Bhg. 17
9.50 RETURN TO EDEN
10.50 MUSICAL SPECIAL: "Lincoln County Incident"
11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 7 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 POSTMAN PAT: FILLER
4.45
5.00 CANTINFLAS
5.25 BUGS BUNNY SHOW
5.50 BID FOR POWER — "The Last Visit" (Episod terakhir)
6.00 BERITA AWAL
6.05 BID FOR POWER — sambungan
6.15 AGRICULTURE
6.25 CAMP WILDERNESS: "Sea Secret"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 CAMP WILDERNESS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "Colt's Outlaw" Bhg. 1
7.48 AZAN ISYAK
7.53 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SISTEM EJAAN BARU
9.05 ARENA SUKAN
10.05 DYNASTY
11.05 TAYANGAN GAMBAR: "Marriage Is Alive And Well"
12.35 SIARAN TAMAT.

tajam serta bengkok. Apakah kognasi paruh yang tajam itu? Untuk mengetahuinya ikutilah nanti di rancangan ini.

SELASA — 7 FEBRUARI

PAGI

- 8.50 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet I)
Rancangan ini adalah bahagian pertama dari siri rancangan "Magnet". Dalam Rancangan ini murid-murid akan belajar mengenai:
1. Sejarah magnet
2. Apakah dia Kompas?
3. Cara-cara membuat Kompas mudah.
Benarlah Kompas sangat mustahak kepada pelaut? Bagaimana kompas boleh menolong mereka? Untuk mengetahui jawabannya, ikutilah rancangan ini.
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (My House)
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Batang)

RABU — 8 FEBRUARI

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Burung)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (My House)
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet I)

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (tiap-tiap hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam
MENYIARKAN AZAN:
Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU 1 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Dari Sekolah-sekolah, 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Mustika Nilam Bahari siri ke-1), 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.15 — Hiburan, 9.30 — Citrawara.

HARI KHAMIS 2 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio, 2.30 — Rencana Khas Kemerdekaan, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 4.30 — Rampai Petang.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yasin, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 3 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Majalah Radio, 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Citra Dalam Syair, 2.30 — Hiburan, 3.15 — Diang Dangan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Irian Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 Hiburan Malam, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

HARI SABTU 4 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 —

Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Pertandingan Banting Kecil 1984.

PETANG: 2.30 — Citrawara (SU), 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan, 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 5 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Majalah Radio, 9.30 — Taman Mekar, 10.15 — Hiburan, 10.30 — Drama Muzika, 11.00 — Dendang Remaja (SU), 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan Ucapan Selamat. 1.00 — Permintaan Dua Station.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Rencana Khas Kemerdekaan (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-lagu Lama (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 6 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana, 11.30 — Untuk Awda.

T/HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin, PETANG: 2.30 — Citra Dalam Syair (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampaian Joget, 4.15 — Ruangan Kitani, 4.30 — Rampaian Petang, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Hiburan Malam (SU), 8.30 — Kuliah Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 7 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Suara Parajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.30 — Untuk Awda.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Kitani (SU), 7.15 — Hiburan Malam, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Drama Muzika (SU), 9.00 — Bahas Dari Sekolah-Sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 Talking About Music
8.30 Hello Tomorrow
9.00 Popular Classics (Disc 11 side 2)
9.30 Classic Half Hour — 13.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme.
8.15 World Theatre: "As You Like It" by William Shakespeare.
9.30 Brian Fahey and His Big Band — 5/5.

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Brunei Traditional Music (repeat)
11.15 Light Music From The Netherlands — 565/604.
11.30 Children's half hour.

NOON

12.00 18th Cambridge Folk Festival — 5/8.
12.45 My Music — 286/436.

P.M.

1.15 Book Club: Clinging to the Wreckage — 6/10.
1.30 Break For Music with Malay Traditional Music — 5/13.

1.45 Sixty-Minute Theatre: "Gilda" by Owen Holder
2.45 In Latin Mood with Robert Delgado
3.00 Top of The Pops (RB/F/354/90 side 1) — Anniversary Special
8.00 The World of Books.
8.30 Up the Belait River Without A Paddle — with guest this week: Miles Hunt — Davis
9.00 Perspective
9.30 A Date with . . . (repeat)

Saturday

P.M.

2.00 Just For Variety.
3.00 Gurkha! Programmes.
8.00 Melody Time.
8.30 Animal, Vegetable and mineral — 4/30.
9.00 Strictly Instrumental.
9.30 Top of The Pops — 1000.

Sunday

A.M.

11.00 Brunei Darussalam Programme "Education" — 6.
11.30 Practical World.
11.45 London This Week.

NOON

12.00 A Date with . . .
12.45 Review of the Week.
1.00 Top of The Pops — 1000. (repeat).

1.30 Weekend Greetings.
2.30 Brunei Traditional Music.
2.45 An Educational Feature on Language "You Said It" Part 1.
3.30 Just For Variety.

P.M.

8.00 Brunei Darussalam (repeat)
8.30 Beautiful Music — 58/60.

8.45 BBC Science Magazine.
9.30 Frank Muir Goes Into: "Games" — 57

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: "The Power of Dawn" by Emyln Williams
8.45 Neil Richardson Presents — 2/12.
9.30 A Play On Word — 32.

Tuesday

P.M.

POP MUSIC NIGHT

8.00 Just For You.
9.00 In Sentimental Mood.
9.30 Stereo Pop Special: "The Beat" side 2.

Daily

A.M.

6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation.
6.45 Berita Perdana, Patriotic-Song and Brunei in history.
7.30 Local News, tide times.
7.35 Brunei's AM (continued).
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.

NOON

12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.

P.M.

9.15 News.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERTANIAN

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan bagi:—

PEMBEKAL SEBUAH PERAHU KAYU BER-ATAP

kepada Jabatan Pertanian, Negara Brunei Darussalam.
2. Butir-butir keterangan boleh didapati di Ibu Pejabat Pertanian, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa sebarang tanda yang menunjuk-

kan nama atau alamat pihak yang menawarkan; kecuali SULIT — PERAHU —

JABATAN PERTANIAN

4. Tawaran-tawaran hendaklah sampai di Pejabat Kewangan Negara tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari hari Isnin 13 Februari, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari jam dan tarikh yang disebutkan tidak akan dilayan.
5. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

EQUIPMENT TO THE GURKHA RESERVE UNIT SUPPLY OF COMMUNICATIONS

TENDER will be received by the Chairman, Tenders Board Negara Brunei Darussalam for the supply of the following:—

- a. MOTOROLA RADIOS AND SPARES
- b. RADIO ANTENNA
2. Detailed lists of the equipment required may be obtained from HQ Gurkha Reserve Unit, Sg. Akar.
3. Substitution is NOT acceptable and there must be no change to the technical requirement.
4. All prices must be quoted on a CIF Negara Brunei Darussalam.
5. Date of delivery to be stated.

6. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer. The envelope should be marked "Supply of Communications Equipment to the Gurkha Reserve Unit" in the top left hand cover.

7. Tenders should be placed in the Tender Box situated outside the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 6th February, 1984.
8. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

SUPPLY OF ESSEX SEALPIC FF TELEPHONE CABLE. TENDERS are invited from the manufacturer or accredited agents for the supply of Essex Sealpic FF Telephone Cable.

Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday, 5th March, 1984.

Conditions of tender and quantities required can be obtained from the office of The Director of Telecommunications, 1st Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam on payment of a deposit of \$100 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a valid tender.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

BIL. TAWARAN 18/1984

PEMBEKALAN PORTA-CABIN TYPE MOBILE UNITS.

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Februari, 1984.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkliah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1400) tiap-tiap hari

Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkliah Kem, ABDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Cagaran tawaran sebanyak \$300.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap syarikat yang tidak berjaya.

5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

Tawaran Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Februari, 1984 bagi kontrak tahunan (1984) untuk membekalkan Water Treatment Chemicals:—
A CALCIUM
B CARBONATE CaCO₃

B ALUMINIUM
SULPHATE
C LIQUID CHLORINE
TO BS. 3947:1976
D HYDRATED LIME
Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2 Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja dengan membayar wang cagaran (deposit) sebanyak \$1,000.00.

PROPOSED BERAKAS LINK ROAD (PHASE I)

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sehingga hari Isnin 20 Februari, 1984 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah:—

PROPOSED BERAKAS LINK ROAD (PHASE I)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan mestilah ditanda dengan seperti berikut:—

TAWARAN UNTUK: PROPOSED BERAKAS LINK ROAD (PHASE I)

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

ASSOCIATED CONSULTANTS PRIVATE LIMITED

F11,
Seri Temasek Complex,
Seri Shopping Complex,
Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
mulai dari hari Rabu 25

Januari, 1984 hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak \$5,000.00 (Lima ribu ringgit sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melitahkan perkara-perkara yang berikut:—

- a) Pemborong - pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemborong yang dikehendaki.
- b) Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

PROPOSED IMPROVEMENT OF JALAN KUMBANG PASANG/JALAN GADONG JUNCTION

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sehingga hari Isnin 20 Februari, 1984 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah:—

PROPOSED IMPROVEMENT OF JALAN KUMBANG PASANG/JALAN GADONG JUNCTION.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan mestilah ditanda dengan seperti berikut:—

TAWARAN UNTUK: PROPOSED IMPROVEMENT OF JALAN KUMBANG PASANG/JALAN GADONG JUNCTION.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

ASSOCIATED CONSULTANTS PTE LTD

No. F11,
Seri Temasek Complex,
Seri Shopping Complex,
Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
mulai dari hari Rabu 25 Januari, 1984 hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak \$1,000.00 (Satu ribu ringgit sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melitahkan perkara-perkara yang berikut:—

- a) Pemborong - pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam Kategori Kelas "A" pemborong yang dikehendaki.
- b) Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE

NO. 4/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Brunei at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on Monday 6th February, 1984 for the supply of Fire Appliances to the Brunei Fire Brigade as stated below:—

- a. 4 Units { 1 Unit Simon Snorkel SS220
1 Unit Simon Mini-Snorkel SPCA 125
2 Units Water Tender Ladder
- b. 4 Units Emergency Tenders.
- c. 1 Units 5 — Ton Truck Complete With 2 — Ton Winch/Crane and 1 — Ton Tail Power-Gate.
- d. 3 Units Compressor Antillas DL 280.

2. Tenderers are requested to forward their catalogue and specifications for the above appliances with their quotations and tenders. All prices quoted to be in Brunei Currency CIF Brunei.

3. Further detail and specifications of the above appliances may be obtained from the Senior Staff Officer of Fire Brigade, Fire Brigade Headquarters, Mile 1/4, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Date of delivery to be stated.

5. Tenders received after the above stated time and date will be rejected.

6. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "Tenders for the Supply Fire Appliances" and should be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. The name of the tenderer must not be written on the envelope.

7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest of any tender.

POSTAL SERVICES DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Brunei at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on Monday 12th March 1984, for the supply of the following items:—

(a) VAN HIGH ROOF

1. 3 units. Suitable for conveyance of letter and parcel mail bags.
2. 4 cylinder petrol engine, powered around 1,600 cc. Proof of availability of spare parts in Brunei preferable.
3. To be fitted with a 5 lb BCF fire extinguisher.
4. Painted in Post Office red and with a yellow strip. Letterings in white on both sides, "Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei" in Rumi and Jawi, position to be determined by the Post Office.
5. To be fitted with Postal Logo on both sides of the body.

(b) MOTOR CYCLES

1. 5 units.
2. Type 100 cc. Petrol. Proof of availability of spare parts in Brunei preferable.
3. To be fitted with a lockable metal container on the rear.
4. Painted in Post Office red and with Postal Logo on both sides of the body.
5. Helmet in Post Office red to be provided.
2. Tenders must be submitted in plain sealed envelopes bearing no indications of the name and address of the tenderers and should be clearly marked "Tender for Van or Motor Cycles".
3. The date of the delivery of these items should be clearly indicated.
4. Tenders received after the time and date specified above will not be considered.
5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 3/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on Monday 20th February, 1984 for the Supply and Delivery of the following Fire Appliances for the Fire Brigade Department, Brunei:—

1. 2 Units Base Pump.
2. 2 Units Rescue Appliances.
3. 2 Units Multi Media.
2. Tenderers are requested to forward their catalogue and specifications for the above appliances with their quotations and tenders. All prices quoted base on CIF Brunei.
3. All quotation must be in Brunei Dollars.
4. Further detail and specifications of the above appliances may be obtained from the Senior Staff Officer of Fire Brigade, Fire Brigade Headquarters Mile 1/4, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Date of delivery to be stated.
6. Tenders received after the above stated time and date will be rejected.
7. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "Tenders for the Supply and Delivery of Fire Appliances" and should be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei. The name of the tenderer must not be written on the envelope.
8. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest of any tender.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan for the:

SUPPLY AND INSTALLATION OF STANDARD INCUBATOR AND HATCHER

at Mentiri Agricultural Station.

2. Details of the Incubator and Hatcher required are as follows:—

TYPIFICATIONS	
2 — side doors	Solid state control (electronic controls)
2 — end doors	or
1 — side and 1 — end with standard controls.	(electro-mechanical controls)
4 — end doors.	

SPECIFICATIONS

1. Incubator egg capacity	— 77,760 eggs
2. Hatcher egg capacity	— 12,960 chicken eggs
3. Total egg capacity	— 90,720 chicken eggs
4. Incubator dimensions	— Basic unit — length 27' 4" Width 10' Height 8' 3" Side unit — length 27' 4" Width 9' 10" Height 8' 3"
5. Hatcher dimensions	— Length 9' 1" width 6' 1" Height 7' 7"
5. Incubator rack dimensions	— Length 49 1/2" width 39 1/2" Height 78 1/2"
7. Hatcher rack dimensions	— Length 46-9/16", width 38 1/2" Height 69 1/2"
8. Egg flat dimensions	— Length 11 1/2" width 11 1/2"
9. Incubator egg flat capacity	— Each flat holds 36 eggs.
10. Hatching tray capacity	— 144 chicken eggs/tray x 45 trays/rack x 2 racks.
11. Egg turner	— Pneumatic turning system with air compressor.
12. Alarm system	— Both visual and by bell gives warning if temperature high or power off.
13. Power source	— Single phase 3 wire, 230/115 volt, 50/60Hz. Single phase 2 wire 230 volt, 50/60Hz.

3. Other informations are available from Agriculture Officer (Livestock), Veterinary Clinic, Bandar Seri Begawan (Tel. No. 22296).

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address but clearly marked:

CONFIDENTIAL — INCUBATOR AND HATCHER —
AGRICULTURE DEPARTMENT.

5. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, not later than 12.00 noon on Monday 20th February 1984. Tenders received after this date will be rejected.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JABATAN LAUT, BRUNEI

KENYATAAN TAWARAN BIL. 1 TAHUN 1984 INSURANS LAUT BAGI KAPAL TUNDA LABUHAN DAN PERAIRAN MASUK JABATAN LAUT M.T. "SUMPIT-SUMPIT"

TAWARAN-tawaran akan diterima dari broker-broker insurans laut yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 14 Mac 1984 bagi insurans laut kapal tunda labuhan dan perairan masuk Jabatan Laut M.T. "Sumpit-Sumpit".

2. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa tertutup tanpa pengenalan nama Pemborong di depan sampul surat. Sampul surat itu mestilah di tanda "Tawaran bagi Insurans Laut bagi Kapal Tunda Jabatan Laut M.T. "Sumpit-Sumpit" dan dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran seperti alamat yang diterangkan di atas.

3. Keterangan-keterangan Kapal dan Perlindungan Insurans Yang Dikehendaki.

3.1 Kapal

3.1.1. Kapal Tunda Twin Screw "Sumpit-Sumpit". Dibina tahun 1983. Gross Tonnage 236.55. Sesaran 291 tan. Panjang 30 Meter. Laju 12 Knot. Kekuatan Tenaga 1600. Tenaga Tarikan Tonggak Lintas 20 tan. Jenis Lloyds + 100 A1 Kapal Tunda + LMC.

3.1.2. Operasi kapal selaku kapal tunda labuhan dan penambatan di Pelabuhan Muara, Brunei dan bebas belayar di lingkungan 30 batu dari pantai Brunei, Sabah dan Sarawak serta dibenarkan belayar melebihi had-had yang di atas berdasarkan alasan-alasan perikemanusiaan jika kejadian itu menghendaki. Operasi-operasi menyelamat terkandung.

3.2 Perlindungan Insurans Yang Dikehendaki

3.2.1. Penginsurans: Kerajaan Brunei
3.2.2. Tempoh Insurans: Dua Belas Bulan
3.2.3. Faedah: Badan kapal dan Alat Jentera dsb. bernilai Brunei \$4,000,000.

3.2.4. Jumlah Diinsuranskan: 50 peratus (Lebihnya disimpan oleh Penginsurans).

3.2.5. Syarat-syarat: Institut Perjanjian-Perjanjian Tempoh.

4/4 Perjanjian Pemberhentian Kerja
Lindungan dan Gantirugi seperti Perjanjian-Perjanjian Risiko-Risiko Institut Pelabuhan.

Perjanjian Penyingkiran Pencemaran
Pemotongan, Brunei \$10,000.
Termasuk Anak-Anak Kapal dan Barang Muatan.

4. Keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan kapal berkenaan atau perlindungan insurans yang dikehendaki bolehlah diperoleh dari pejabat Pengarah Laut, Bangunan Kastam Diraja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat Tukang Jahit adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 20 Februari 1984, jam 12.00 tengah hari untuk membekal dan upah menjahit Pakaian Seragam bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan-Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Brunei dan Muara dan Temburong bagi tahun 1984.

2. Wang cagaran tawaran hendaklah dibayar di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (bahagian kewangan) tingkat pertama, bilik No: 202 pada bila-bila masa waktu bekerja biasa sehingga hari Sabtu 18 Februari, 1984, jam 3.00 petang sebanyak \$100.00 (seratus ringgit sahaja).

3. Butir-butir tawaran dan penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh dilihat dan diperolehi di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (bahagian tawaran) tingkat pertama, bilik No: 205 pada bila-bila masa waktu bekerja biasa hingga jam 4.00 petang hari Sabtu, 18 Februari 1984 dan tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00, hari Isnin 20 Februari 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depot Logistik, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkliah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1400) tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkliah Kem, ABDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

BIL. PROC/T/04/84

MEMBEKALKAN:
CONCRETE
PONTOONS
Cagaran: \$300.00.

BIL. PROC/T/05/84

MEMBEKALKAN:
METALWORK TOOLS
AND MATERIAL.
Cagaran: \$300.00.

BIL. PROC/T/06/84

MEMBEKALKAN:
MUIRHILL A5000
SPARE PARTS.
Cagaran: \$300.00.

BIL. PROC/T/07/84

MEMBEKALKAN:
FAST ASSAULT
BOAB SPARES.
Cagaran: \$200.00.

BIL. PROC/T/08/84

MEMBEKALKAN:
SAILING BOAT

SPARES.

Cagaran: \$100.00.

BIL. PROC/T/09/84

MEMBEKALKAN:
FIELD COOKING
EQUIPMENT.
Cagaran: \$100.00.

BIL. PROC/T/10/84

MEMBEKALKAN:
BATTERY CHARGER
RACAL CONSTA
VOLT.
Cagaran: \$150.00.

BIL. PROC/T/11/84

MEMBEKALKAN:
KAYAKS AND SPARES.
Cagaran: \$200.00.

BIL. PROC/T/12/84

MEMBEKALKAN:
SHIP SPARES
WASPADANA AND
ROTOK.
Cagaran: \$200.00.

BIL. PROC/T/16/84

MEMBEKALKAN:
STORAGE BINS
ELECTRONIC STORE
BOLKIAH.
Cagaran: \$100.00.

BIL. PROC/T/17/84

MEMBEKALKAN:
SHELTER PORTABLE
LIGHT WEIGHT.
Cagaran: \$500.00.

BIL. PROC/T/19/84

MEMBEKALKAN:
NAVIGATION BAGS.
Cagaran: \$100.00.

BIL. PROC/T/20/84

MEMBEKALKAN:
BLANKET G-S.
Cagaran: \$100.00.

BIL. PROC/T/21/84

MEMBEKALKAN:
EQUIPMENT FOR
BELL 206.
Cagaran: \$300.00.

BIL. PROC/T/22/84

MEMBEKALKAN:
REME WORKSHOPS
TOOLS.
Cagaran: \$500.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat Tukang Jahit Daerah Belait adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 20 Februari 1984, jam 12.00 tengah hari untuk membekal dan upah menjahit Pakaian Seragam bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan-Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Belait bagi tahun 1984.

2. Wang cagaran tawaran hendaklah dibayar di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan (bahagian kewangan) tingkat pertama, bilik No: 202 pada bila-bila masa waktu bekerja biasa sehingga hari Sabtu 18 Februari, 1984, jam 3.00 petang sebanyak \$100.00 (seratus ringgit sahaja).

3. Butir-butir tawaran dan penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh dilihat dan diperolehi dari pihak Kadzi Daerah Belait, di Pejabat Hal Ehwal Ugama Kuala Belait pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka hingga jam 4.00 petang, hari Sabtu 18 Februari 1984 dan tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

PENGISYTIHARAN

- (1) Syarikat Kedai Kerjasama Kampong Lugu
- (2) Syarikat Kedai Kerjasama Kampong Rataie

Dengan ini diisytiharkan bahawa syarikat-syarikat kerjasama di atas telah dibatalkan pendaftarannya menurut kuasa yang diberikan kepada saya di bawah Bab 37 dari Undang-Undang Syarikat Kerjasama, 1975.

Mana-mana pemiutang (creditor) yang mempunyai tuntutan ke atas harta syarikat-syarikat tersebut hendaklah menyatakan tuntutan mereka kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat Kerjasama dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan ini disiarkan. Selepas itu tuntutan tidak akan dilayan.

Mahmud Haji Bakyr,
Pendaftar Syarikat-Syarikat Kerjasama,
Negara Brunei Darussalam,
Tarikh 1 Februari, 1984.



SKIM PELATIH INDUSTRI SHELL BRUNEI

SEKALI LAGI, dalam tahun 1984, Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad menawarkan peluang-peluang kepada anak-anak muda Negara Brunei Darussalam yang telah menamatkan pengajian Tingkatan Lima dan ingin memulakan kerjaya mereka di dalam perusahaan minyak dan gas. Pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang diperlukan sahaja akan diberi pertimbangan. Mereka yang terpilih akan diberikan latihan meluas dan hendaklah:

- * Lelaki berumur antara 17 dan 23 tahun pada 1 Julai, 1984.
- * Warganegara Negara Brunei Darussalam.
- * Boleh menguasai Bahasa Inggeris dengan berpatutan.
- * Tamat Tingkatan V.
- * Bersedia untuk bekerja di laut dan/atau pada waktu yang luar dari biasa.

Skim Pelatih Industri ini bertujuan untuk menyediakan anak-anak muda Negara Brunei Darussalam dengan kemahiran-kemahiran teknikal asas yang perlu untuk membolehkan mereka bekerja sebagai Juruteknik atau Tukang di Shell Brunei dan LNG Brunei. Bagi sebahagian besar pelatih-pelatih, kursus ini bermula dengan Kejuruteraan Asas di tahun pertama. Ini diikuti dengan latihan keahlian di bidang-bidang yang berkaitan dengan perusahaan minyak dan gas seperti Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanik, Kejuruteraan Instrumen, Telekom dan lain-lain.

Wakil-wakil Shell Brunei akan mengadakan Sessi Penerangan pada hari Jumaat, 10 Februari 1984 jam 10.00 pagi di Sekolah Melayu Jamalul Alam (S.M.J.A.) di Bandar Seri Begawan dan SRC di Seria.

Jika awang berminat untuk memasuki skim ini, awang sebolehnya hendaklah menghadiri salah satu sesi tersebut di atas. Borang-borang permohonan akan dibahagikan di sesi itu dan untuk membolehkan awang mengisikan dengan lengkap dan tepat, kad pengenalan dan butir-butir sebarang peperiksaan yang telah diambil termasuk BJCE hendaklah dibawa bersama. Pen juga perlu dibawa bersama.

Jika awang tidak dapat menghadiri salah satu sesi itu, sila menulis surat seberapa segera yang boleh, menyatakan butir-butir lengkap mengenai umur, kebangsaan dan keputusan-keputusan peperiksaan termasuk BJCE kepada:

Jabatan Perancang dan Kemajuan Kakitangan
(Rj.: BB/3),
Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad,
Seria.

Tarikh tutup menerima permohonan ialah 20 Februari, 1984.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN MUZIUM-MUZIUM

BILANGAN 1/1984

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, di Bangunan Pejabat Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin, 19 Februari, 1984.

1 Unit "SERIES 57 BOOK-SPINE BLOCKING PRESS" with 8" throat two 12" x 3" typeholders with packing, one for blocking across the spine, and the other for blocking down the spine.

Adjustable back gauge with spring clips to hold bookcase and spine support strip in position on table. Complete with electric heating including dial regulator and mercury thermometer. Without roll feed and Extras Available of the following:

Extra typeholders across the spine

Extra typeholder down the spine

Thermostatic heat control.

2. Butir-butir dan borang tawaran atau penerangan-penerangan lebih lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium Brunei pada bila-bila masa waktu dibuka.

3. Wang cagaran mengenai perkara ini hendaklah dijelaskan sebanyak \$200.00 (dua ratus ringgit) ke Bahagian Kewangan, Jabatan Muzium, Kota Batu, Negara Brunei Darussalam pada tiap-tiap hari bekerja biasa tidak lewat jam 3.00 petang.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau sebarang yang tidak munasabah.

BILANGAN 2/1984

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, di Bangunan Pejabat Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin, 19 Februari, 1984.

Untuk membekal:—
8 biji Enjin Sikut Beaver atau yang bersamaan.

2. Butir-butir dan borang tawaran atau penerangan-penerangan lebih lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium Brunei pada bila-bila masa waktu dibuka.

3. Wang cagaran mengenai perkara ini hendaklah dijelaskan sebanyak \$200.00 (dua ratus ringgit) ke Bahagian Kewangan, Jabatan Muzium, Kota Batu, Negara Brunei Darussalam pada tiap-tiap hari bekerja biasa tidak lewat jam 3.00 petang.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau sebarang yang tidak munasabah.

BILANGAN 3/1984

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, di Bangunan Pejabat Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin, 19 Februari, 1984.

Untuk membekal:—
Mengganti Cermin Pintu dan Tingkap kepada Cermin Hitam di Dewan Tengah Bangunan Muzium Negara Brunei Darussalam.

2. Butir-butir dan borang tawaran atau penerangan-penerangan lebih lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium Brunei pada bila-bila masa waktu dibuka.

3. Wang cagaran mengenai perkara ini hendaklah dijelaskan sebanyak \$200.00 (dua ratus ringgit) ke Bahagian Kewangan, Jabatan Muzium, Kota Batu, Negara Brunei Darussalam pada tiap-tiap hari bekerja biasa tidak lewat jam 3.00 petang.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau sebarang yang tidak munasabah.

BILANGAN 4/1984

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, di Bangunan Pejabat Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin, 19 Februari, 1984.

Untuk membekal:—
Standing Press yang berikut:—

2 Unit Size A

Platen 20" x 15"

Daylight 13"

2 Unit Size B

Platen 24" x 18"

Daylight 13"

1 Unit Size

Platen 30" x 20"

Daylight 24"

2. Butir-butir dan borang tawaran atau penerangan-penerangan lebih lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium Brunei pada bila-bila masa waktu dibuka.

3. Wang cagaran mengenai perkara ini hendaklah dijelaskan sebanyak \$200.00 (dua ratus ringgit) ke Bahagian Kewangan, Jabatan Muzium, Kota Batu, Negara Brunei Darussalam pada tiap-tiap hari bekerja biasa tidak lewat jam 3.00 petang.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau sebarang yang tidak munasabah.

BILANGAN 5/1984

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, di Bangunan Pejabat Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin, 19 Februari, 1984.

Untuk membekal:—
Membeli Dua Buah Enjin Motosangkut 90HP.

2. Butir-butir dan borang tawaran atau penerangan-penerangan lebih lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium Brunei pada bila-bila masa waktu dibuka.

3. Wang cagaran mengenai perkara ini hendaklah dijelaskan sebanyak \$200.00 (dua ratus ringgit) ke Bahagian Kewangan, Jabatan Muzium, Kota Batu, Negara Brunei Darussalam pada tiap-tiap hari bekerja biasa tidak lewat jam 3.00 petang.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau sebarang yang tidak munasabah.

JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: 12 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: "CADANGAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI JALAN PADANG KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 20 Februari, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 13 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU SENGKURONG DI BATU 10, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 6 Februari, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: 14 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "KONTRAK PENGGAL BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI, PENGUBAHAN DAN TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM BAGI KEM ANGKATAN TENTERA DI-RAJA BRUNEI DI TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di WT Partnership, 207, Tingkat Dua, Batu 14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 13 Februari, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: 15 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "KONTRAK PENGGAL BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI, PENGUBAHAN DAN TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM BAGI KEM ANGKATAN TENTERA DI-RAJA BRUNEI DI BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Contract Services Consultants, Unit 2, Blok E, Tingkat Satu, Bangunan Jefri Bolkih, Seri Kompleks, Batu 14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 13 Februari, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: 16 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "KONTRAK PENGGAL BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI, PENGUBAHAN DAN TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM BAGI KEM ANGKATAN TENTERA DI-RAJA BRUNEI DI BOLKIAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Contract Services Consultants, Unit 2, Blok E, Tingkat Satu, Bangunan Jefri Bolkih, Seri Kompleks, Batu

14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Februari, 1984.
Tarikh tutup: 13 Februari, 1984.
Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: 17 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "KONTRAK PENGGAL BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI, PENGUBAHAN DAN TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM BAGI KEM ANGKATAN TENTERA DI-RAJA BRUNEI DI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Langdon Every and Seah, 408, Bangunan Guru-Guru Melayu, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 13 Februari, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: 18 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "KONTRAK PENGGAL BAGI PEMELIHARAAN, MEMBAIKI, PENGUBAHAN DAN TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM BAGI KEM ANGKATAN TENTERA DI-RAJA BRUNEI DI BANGAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Langdon Every and Seah, 408, Bangunan Guru-Guru Melayu, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 13 Februari, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: 19 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN KOMPLEKS KENDERAAN BERMOTOR, PUSAT PENYIMPANAN SENJATA DAN KOMPLEKS JURUTERA GARISON, PERINGKAT KEDUA — KOMPLEKS JURUTERA GARISON."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Booty Edwards dan Rakan-Rakan, 146, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 Mac, 1984.

Tarikh tutup: 5 Mac, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: 20 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PENAHAN DINDING GABION DI PENGKALAN (JETTY) No. 6 ALANGAN DAMIT, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM — PERINGKAT KEDUA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Februari, 1984.

Tarikh tutup: 13 Februari, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBORONG-pemborong tempatan adalah dipelawa untuk membekalkan "PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKITANGAN JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, BRUNEI BAGI TAHUN 1984."

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dan dialamatkan kepada:—
Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei, d/a. Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Di samping itu, hendaklah juga dengan terang dinyatakan di atas sampul surat tersebut "MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKITANGAN JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, BRUNEI BAGI TAHUN 1984."

3. Keterangan lanjut berhubungan dengan perkara ini, boleh didapati daripada Penolong Pentadbir, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

2. Butir-butir dan borang tawaran serta penerangan-penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Bahagian Pentadbiran (Tawaran) Tingkat Pertama, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Bilik No. 205 pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

3. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN HAL EHWAL

UGAMA BRUNEI

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Isnin 27 Februari 1984 untuk membekalkan berbagai jenis tanda-tanda yang menunjukkan nama pemborong di atas sampul yang berkenaan. Tawaran-tawaran ini hendaklah dihantar tidak lewat daripada hari ISNIN, 20 Februari 1984, jam 12.00 tengah hari.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan di atas, tidak akan dilayan.

3. Keterangan lanjut berhubungan dengan perkara ini, boleh didapati daripada Penolong Pentadbir, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI PAKAR BEDAH PERGIGIAN

PERMOHONAN-permohonan adalah diperlawakan dari calon-calon yang berkelayakan bagi jawatan sebagai PAKAR BEDAH PERGIGIAN di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Gaji:
M18 — B\$4,700.00 — tetap sebulan atau M19 — B\$5,000.00 — tetap sebulan. Sebagai tambahan satu elaun khas sebanyak B\$1,250.00 atau B\$1,500.00 sebulan juga akan diberi.

Kelayakan dan Pengalaman: Kelulusan ijazah pertama atau yang sebanding dengan Serjana Muda Perubatan Gigi dari Universiti atau Sekolah Pergigian yang diiktirafkan. Kelulusan lanjutan ijazah umpama Fellowship dalam Perubatan Gigi dari salah satu Royal Colleges of Physicians and Surgeons of the United Kingdom (FDS

RCS atau sebanding). Mempunyai satu Diploma dalam Kesihatan Awam Pergigian merupakan satu kelebihan. Seseorang calon mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun selepas memperoleh Fellowship yang berkenaan. Ia hendaklah juga mempunyai pengalaman pentadbiran.

Umar:
Di bawah 55 tahun.

Tugas: Calon yang berjaya adalah dikehendaki membuat rancangan memperbaiki Perkhidmatan Pergigian dan Perkhidmatan Pencegahan. Ketika ini hanya seorang Pegawai Pergigian Kanan dan beberapa Pegawai-Pegawai Pergigian sahaja. Dua orang Sister Pergigian dan beberapa orang Jururawat Pergigian yang terlatih bekerja di bahagian

Klinik Pergigian bergerak dan Klinik Pergigian Sekolah-Sekolah. Calon yang berjaya akan ditempatkan di Cawangan Pergigian yang baharu sahaja siap di Hospital Raja Isteri anak Saleha. Pegawai ini akan mengepali Cawangan Pergigian tersebut dan akan bertanggungjawab langsung kepada Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan berhubung dengan semua aspek-aspek Perkhidmatan Pergigian.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang bukan berwarganegara Brunei akan ditawarkan lantikan secara kontrak selama 3 tahun. Kontrak akan dibaharui tertakluk kepada persetujuan bersama. Baksis sebanyak 25% dari gaji akan dibayar selepas menjalani kontrak dengan memuaskan.

Tidak ada cukai Pendapatan Peribadi dikenakan di Negara Brunei Darussalam setakat ini.

Kemudahan-kemudahan adalah termasuk tambang percuma, cuti bergaji, perumahan sewa-rendah dan pinjaman wang untuk membeli sebuah kereta tanpa faedah dikenakan.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 31 Mac, 1984. (E/2800/83)

(Bil iklan: 7/1984).

PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK

TENTERA UDARA

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. **ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI** mempelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Juruterbang di dalam Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Tentera Udara ini sedang berkembang dan memerlukan anak-anak muda untuk dilatih sebagai juruterbang.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan dalam awal bulan April 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari hari Sabtu 3 Mac, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

- Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
- Jika Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah beragama Islam dan menyesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taraf kebangsaan.
- Berkeseluruhan pelajaran GCE peringkat 'O' di dalam Bahasa Inggeris (kelulusan 8 adalah diterima), Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Sains (kredit 6 ke atas). Calon-calon yang mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberikan keutamaan.
- Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 30 April, 1984.
- Tinggi sekurang-kurang 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.
- Lulus pemeriksaan kesihatan tentera.

3. Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Juruterbang, Awang akan menjalani latihan asas tentera tidak kurang selama 8 minggu di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkliah dan diikuti dengan kursus Pegawai Kadet di Maktub Tentera Udara Diraja Cranwell, United Kingdom. Setelah tamat dan lulus berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Latihan asas penerbangan dijalankan di Brunei.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati daripada:

- Pegawai Pengambilan Pasukan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Perkhemahan Bolkliah Bandar Seri Begawan. Telefon: 30531 samb.: 111 atau 112.
- Pusat Pengambilan ABDB Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan.
- Pusat Pengambilan ABDB Bilik Bacaan Tutong.
- Pusat Pengambilan ABDB Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait.
- Pejabat Pengambilan ABDB Bangar Temburong.

Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefon Awang-Awang dalam permohonan Awang-Awang.

PEGAWAI BERTAULIAH TETAP

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. **ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI** mempelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Tetap di dalam Angkatan ini. Angkatan ini sedang membesar dan berkehendakan anak-anak muda untuk dilatih sebagai pegawai-pegawai tentera di dalam bidang keahlian seperti jurusan Penerbangan, Pelaut, Logistik, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika Awang-Awang berkebolehan dan mempunyai kelayakan-kelayakan akademik yang diperlukan, Angkatan ini akan membantu Awang-Awang untuk dilatih di dalam bidang-bidang tersebut.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan dalam awal bulan April 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari hari Sabtu 3 Mac, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

- Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
- Jika Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah beragama Islam dan menyesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taraf kebangsaan.
- Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris. Kelulusan dalam Ilmu Hisab dan mata-mata pelajaran Sains yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 30 April, 1984.
- Tinggi sekurang-kurang 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.

3. Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Kadet, Awang akan menjalani latihan asas tentera selama 6 ke 9 bulan di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkliah. Tertakluk kepada lulusnya Awang dalam latihan tersebut Awang akan dihantar ke sebarang laut untuk menjalani kursus Pegawai Kadet. Setelah tamat dan lulus berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati daripada:

- Pegawai Pengambilan Pasukan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Perkhemahan Bolkliah Bandar Seri Begawan. Telefon: 30531 samb.: 111 atau 112.
- Pusat Pengambilan ABDB Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan.
- Pusat Pengambilan ABDB Bilik Bacaan Tutong.
- Pusat Pengambilan ABDB Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait.
- Pejabat Pengambilan ABDB Bangar Temburong.

Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefon Awang-Awang dalam permohonan Awang-Awang.

PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK

TENTERA LAUT

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. **ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI** mempelawa Pemuda-Pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Jangka Pendek di dalam Tentera Laut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Tentera Laut ini sedang berkembang dan memerlukan anak-anak muda untuk dilatih sebagai pegawai-pegawai tentera laut dalam bidang keahlian seperti jurusan Pegawai Memerintah Kapal.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan dalam awal bulan April 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak lewat dari hari Sabtu 3 Mac, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

- Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari orang-orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
- Jika Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah beragama Islam dan menyesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taraf kebangsaan.
- Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan yang sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab. Calon-calon yang lulus dalam Ilmu Sains dan mata-mata pelajaran yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 30 April, 1984.
- Tinggi sekurang-kurang 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.

3. Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Tentera Laut, Awang akan menjalani latihan asas tentera tidak kurang selama 8 minggu di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkliah dan diikuti dengan kursus Pegawai Kadet di Maktub Tentera Laut Diraja Britannia, Dartmouth di United Kingdom. Setelah tamat berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati daripada:

- Pegawai Pengambilan Pasukan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Perkhemahan Bolkliah Bandar Seri Begawan. Telefon: 30531 samb.: 111 atau 112.
- Pusat Pengambilan ABDB Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan.
- Pusat Pengambilan ABDB Bilik Bacaan Tutong.
- Pusat Pengambilan ABDB Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait.
- Pejabat Pengambilan ABDB Bangar Temburong.

5. Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefon Awang-Awang dalam permohonan Awang-Awang.



MEMPELAWA TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipersilakan dari Pemborong-pemborong yang dibenarkan oleh Syarikat untuk:

BILANGAN TAWARAN 001428/SSU
KATEGORI KE9

Penyewaan bagi peralatan pengendalian, kenderaan dan mesin.

Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad menjemput syarikat-syarikat yang mempunyai permit 'BK' yang dikeluarkan oleh Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor adalah dipelawa untuk menender dalam kategori RE9 — Perkhidmatan Bas.

Tarikh tutup bagi perkara di atas ialah pada 27 Februari 1984.

Dokumen-dokumen tersebut boleh diperolehi dari:—

FCS/1,
Brunei Shell Petroleum Company Berhad,
Seria.

Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk ke Papan-papan kenyataan untuk Tawaran B.S.P.

Brunei masih perolehi lebih dagangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei masih memperoleh lebih perdagangan luar negeri sepanjang tiga penggal pertama tahun lalu (Januari-September) sejumlah \$4,285,704,704. Bagaimanapun jumlah tersebut berkurangan dari yang diperolehi dalam tempoh yang sama tahun 1982 yang berjumlah \$4,847,788,351.

Perangkaan perdagangan luar negeri yang dikeluarkan oleh Unit

Perancang Ekonomi dalam tempoh itu juga menunjukkan jumlah keseluruhan perdagangan luar negeri negara ini turun kepada \$6.666 billion berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1982 sebanyak \$7.137 billion.

Dalam tempoh itu juga jumlah import negara meningkat kepada \$1.190 billion berbanding dengan \$1.144 billion dalam tahun 1982. Manakala jumlah eksport termasuk eksport balik turun kepada \$5.476 billion dari \$5.992 billion di tahun 1982.

Menurut perangkaan itu lagi import negara yang utama dilakukan ialah ke atas barangan alat-alat jentera dan mesin, barangan perusahaan, makanan, pelbagai alat gantian perusahaan, bahan-bahan kimia serta minuman dan tembakau.

Manakala barangan eksport pula ialah meliputi minyak mentah, gas cecair asli, hasil perusahaan petroleum, jelutong, papan bergergaji dan lada hitam.

Singapura merupakan antara negara utama sebagai pengeksport barangan ke negara ini dengan jumlah lebih \$270.9 juta, diikuti oleh Jepun lebih \$234.9 juta. Amerika Syarikat lebih \$233.8 juta, Afrika Selatan lebih \$87.2 juta, Korea Selatan lebih \$43.6 juta dan Taiwan lebih \$33.49 juta, sementara negara-negara lain termasuk lain-lain negara ASEAN, Eropah, Brazil dan Kanada.

Sementara negara pengimport utama eksport negara kita ialah Jepun yang mencatatkan jumlah eksport sebanyak lebih \$3,680 billion, Amerika Syarikat lebih \$456 juta, Korea Selatan lebih \$418 juta, Singapura lebih \$349 juta, Thailand lebih \$239

juta dan Taiwan lebih \$156 juta.

Adalah juga difahamkan catatan perangkaan yang dikeluarkan bagi perdagangan luar negeri sepanjang tahun 1982 menunjukkan lebih perdagangan sebanyak \$6.581 billion. Jumlah keseluruhan perdagangan pula menunjukkan lebih \$9.724 billion, manakala eksport negara ialah lebih \$8.155 billion dan import pula ialah lebih \$1.571 billion.

Panggilan keluar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai yang menggunakan telefon awam bagi membuat panggilan ke luar negeri di Pejabat Telegraf, Ibu Pejabat Telekom Kawasan Timur, dikehendaki membayar wang cengkeram sebelum membuat panggilan.

Peraturan baru ini telah mula dikuatkuasakan pada 30 Januari yang lalu.

Bagi panggilan-panggilan telefon dalam kawasan Borneo wang cengkeram ialah \$20.00 sementara wang cengkeram bagi panggilan-panggilan telefon luar Borneo ialah \$50.00.

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Telekom bahawa wang cengkeram itu hendaklah dibayar semasa membuat tempahan panggilan di pejabat Telegraf.

Bayaran akan ditolak daripada wang cengkeram dan jika bayaran panggilan melebihi dari wang cengkeram, pemanggil akan dikenakan bayaran tambahan.



TAMBATAN baru yang berukuran 600 kaki panjang sedang dalam pelaksanaan.

TAMBATAN BARU DLM PERLAKSANAAN

Oleh: Manap Rahman

KAWASAN tebing yang dulunya terletak beberapa buah kelompok rumah di Kampung Masjid Lama Muara berubah wajah sejak bermulanya projek penambatan tambatan baru Pelabuhan Air Dalam Muara.

Tambatan baru yang panjangnya menghala ke barat sejauh 600 kaki meluncur ke kampung tersebut dan telah menimbulkan beberapa masalah dan kelambatan akibat dari penglibatan beberapa buah rumah.

Namun projek penambatan yang menelan belanja \$ 2.5 juta itu terus berjalan lancar sejak ianya bermula penghujung tahun 1982.

Pengawal Pelabuhan, Dato Anthony Chin ketika menjelaskan perkara tersebut mengatakan: "Masalah perumahan yang terlibat dengan projek tambatan ini telah pun diserahkan kepada pihak berkenaan dan pada masa ini sedang dalam proses penyelesaian."

Penyiapan projek ini dijangka akan mengambil masa selama hampir tiga tahun iaitu tamat pada penghujung 1985 dan dikendalikan oleh 'Lim Brothers Contractor'.

Tambatan baru ini adalah sebagai tambahan tambatan yang sedia ada yang berukuran 1,400 kaki yang selama ini telah memberikan

kemudahan lima buah kapal untuk bertambat.

Selain itu satu ruang tambatan juga telah ditambah berukuran 200 kaki panjang dan 16 kaki dalam.

Apabila siap tambatan baru ini yang dibuat dengan panjangnya 600 kaki dan sedalam 30 kaki dikira akan dapat menampung dua buah kapal sederhana besar untuk bertambat.

Sememangnya sejak kebelakangan ini Pelabuhan Air Muara semakin bertambah ligat peranannya sebagai tempat pemunggahan kargo dari luar.

Kesesakan dari kedatangan kapal-kapal yang bertambah menimbulkan masalah tempat bertambat.

Pada masa ini ada kalanya satu dua buah kapal terpaksa menunggu giliran untuk memunggah barang-barang kerana ketiadaan tempat bertambat.

Masalah 'menunggu giliran' ini jelas Dato Anthony Chin akan dapat dikurangkan dengan adanya tambatan yang baru nanti.

Selain kemudahannya dapat menampung dua buah kapal sekali gus ianya mem-

punyai sebuah gudang simpanan sementara yang berukuran 67,000 kaki padu.

Pelabuhan Air Dalam Muara merupakan saluran yang terpenting. Kapal-kapal yang menjadi pengunjung tetap adalah dari Singapura, Jepun, Semenanjung Malaysia, Hongkong, dan Taiwan.

"Jika siap tambatan ini diharapkan kesulitan bertambat tidak menyentuh barang-barang akan lebih licin dan teratur," jelas Dato Anthony Chin.

Bagaimanapun masalah tambatan tidak menyentuh tempat kawasan meletak kontiner-kontiner yang masa ini berjalan seperti biasa.

BEKALAN AIR DIPOTONG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bekalan air ke kawasan-kawasan Daerah Tutong, Bandar Seri Begawan dan lain-lain di Daerah Brunei-Muara akan dipotong selama 10 jam mulai 9.00 pagi hingga 7.00 malam pada hari Selasa 7 Februari, 1984.

Pemotongan tersebut adalah bagi membolehkan kerja-kerja pembesaran loji air di Layong dijalankan.

Mendapat keahlian dalam MRTPI

AWANG Mohamed Jaman bin Mohamed, Penolong Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Negara kini telah pun diterima sebagai Member of The Royal Town Planning Institute (MRTPI) United Kingdom, sebagai Chartered Town Planner mulai 11 Januari lepas. Penerimaan keahlian beliau itu diperolehi setelah dua tahun beliau memperoleh ijazah Master of Philosophy (M.Phil) dalam Perancangan Bandar dari Universiti London dari tahun 1979 hingga 1981.

Awang Mohamed Jaman yang mendapat pendidikan asas sekolah rendah di Sekolah Melayu Lela Mencanai Kampung Ayer dari tahun 1962 hingga 1966 dan melanjutkan Pelajaran di Maktab S.O.A.S. dari tahun 1966 hingga 1974 dan mendapat kelulusan Peringkat Biasa. Beliau tidak sempat menduduki peperiksaan peringkat lanjutan di dalam negeri, bagaimanapun berjaya menamatkan pengajiannya di peringkat tersebut di United Kingdom setelah mana beliau menerima anugerah Biasiswa Kerajaan.

Dari tahun 1976 hingga 1979 Awang Mohamed Jaman memasuki pengajian peringkat ijazah sarjana muda dengan B.A. Hons dengan memperoleh kelulusan kepujian kelas kedua tertinggi (B.A. Hons.) (2nd Class Upper) dalam bidang Ilmu Alam di Queen Mary College, Universiti London. Walaupun Awang Mohamed Jaman didaftarkan membuat Sarjana Muda di Queen Mary College, London Universiti beliau juga mengikuti beberapa kursus untuk ijazahnya ini di London School of Economic berhubung dengan Perancangan Lapangan Terbang dan Penilaian Alam Sekitar serta Ilmu Alam dan Ekonomi Pengangkutan dan di School of Oriental and African Studies berhubung dengan Perancangan Kemajuan dan Ilmu Alam Asia Tenggara. Dengan penerimaan Awang Mohamed Jaman menjadi ahli dalam institut tersebut ianya merupakan anak tempatan kedua dari negara kita yang mendapat MRTPI. Pegawai pertama memperoleh taraf keahlian itu ialah Awang Haji Ibrahim bin Haji Matyassin, Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Negara.



DATO Anthony Chin

Kursus kepimpinan belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kursus kepimpinan belia bagi pemimpin-pemimpin belia di seluruh negara akan diadakan bulan depan.

Kursus siri kedua yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan itu akan diadakan di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah selama tiga hari mulai 9 Mac.

Ahli-ahli persatuan belia di seluruh negara yang ingin menyertai kursus tersebut bolehlah mendapatkan borang penyerahan dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan di Bandar Seri Begawan. Borang-borang permohonan juga boleh di perolehi dari Pejabat Cawangan jabatan berkenaan di Tutong dan Kuala Belait.

Borang-borang permohonan mestilah dikembalikan tidak lewat dari 13 Februari, 1984.